

"PADA hemat beta, perkara seumpama ini berlaku ialah kerana ketiadaan hidayat Allah. Apabila hidayat itu tidak ada, maka kita tidak akan dapat melihat sebarang kebenaran. Orang yang tidak dapat melihat kebenaran adalah orang yang rugi sepanjang hayatnya." - Titah sempena Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Tahun 2000.



"DAN apa juga menimpa kamu dari suatu kesucupan atau bala bencana, maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa dan dalam pada itu Allah memaafkan kejahatan besar dari dosa-dosa kamu." - Surah Ash-Thaur ayat 30.

Interaksi sektor perniagaan Brunei - M'sia perlu diperluas

Memantapkan perdagangan

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan pendapat bahawa masih terdapat banyak peluang bagi Negara Brunei Darussalam dan Malaysia untuk meningkatkan perdagangan dua hala.

Baginda bertitah, Bandar Seri Begawan dan Kuala Lumpur mestilah seterusnya mengkaji bagi memanfaatkan bersama kesempatan yang ada demi kebaikan dan kemandapan hubungan perdagangan kedua-dua buah negara.

"Adalah penting bagi kita untuk menggalakkan interaksi yang lebih luas di antara sektor perniagaan kedua-dua buah negara,"

Oleh Haji Jaafar HI

titah baginda di Majlis Persantapan Diraja sempena keberangkatan lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Sirajuddin dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah yang diadakan di Istana Nurul Iman di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong mengadakan lawatan negara selama tiga hari ke Negara Brunei Darussalam dari 10 hingga 12 Ogos.

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Sirajuddin dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah menerima tabik hormat perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri dari anggota Batalion Ke-3 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sejurus berangkat tiba di Istana Nurul Iman bagi lawatan keberangkatan negara selama tiga hari.

Brunei jadi negara penting rantau ini

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-XII Tuanku Syed Sirajuddin bertitah melahirkan keyakinan bahawa dengan kebijaksanaan dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai negara penting di rantau ini dalam menganjurkan persi-

Oleh Abu Bakar HAR

dangan-persidangan utama antarabangsa.

Baginda bertitah, atas kejayaan cemerlang menganjurkan Sidang Kemuncak ASEAN pada November tahun lalu, baginda dan rakyat Malaysia mengucapkan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Lihat muka 16



Dua Menteri, Tiga Timbalan Menteri angkat sumpah

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

hari ini.

Mereka terdiri daripada Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Mahara Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang, Menteri Kesihatan.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar, Timbalan Menteri Kewangan.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Timbalan Menteri Pendidikan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama menteri-menteri kabinet dan timbalan-timbalan menteri sejurus selepas Majlis Mengangkat Sumpah.

TAHUKAH AWDA

PENYAKIT diabetes berhubung kait dengan cara hidup dan boleh dicegah dengan mengamalkan cara hidup sihat. Tanda-tanda diabetes ialah kabur penglihatan, terlalu haus, luka yang lambat sembuh, berat badan menurun tanpa sebab, kebas-kebas kaki dan tangan, letih dan tidak bertenaga, kerap buang air kecil dan ra loya dan muntah.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Perdagangan dua hala terus dipertingkatkan : Kerjasama Brunei, Malaysia rapat - Muka 2

Dua dilantik sebagai Timbalan Menteri - Muka 3

Persefahaman sangat mustahak - titah - Muka 6

Keberangkatan Lawatan Negara Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-12 - Muka 8, 9, 12 dan 13

Hari Kebangsaan membina semangat patriotisme dan cintakan tanah air - Muka 10

BMR dan BPR bertekad banteras jenayah rasuah - Muka 14

Bagi mengelakkan perceraian berlaku : Patuhi garis panduan yang disarankan Islam - Muka 3 ANEKA

Diabetes penyebab ketiga kematian - Muka 7 ANEKA

KONTAK PELITA BRUNEI
http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita 1.htm
e-mel: pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING PELITA BRUNEI
02 383941 / 02 383804 / 02 382192
Faks : 02 381004 / 02 380507



14 OGOS BERSAMAAN 1423

5 جمادى الآخر

KERJASAMA BRUNEI - MALAYSIA TERUS TERJALIN ERAT

HUBUNGAN persahabatan antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia yang terjalin sekian lama terus bertambah kukuh dan rapat. Keakraban hubungan itu bukan sahaja berasaskan pertalian bahasa, kebudayaan dan agama, tetapi juga dengan wujudnya hubungan peribadi yang erat lagi mesra di antara kesemua peringkat kedua-dua buah negara. Jalanan yang rapat itu telah membolehkan Bandar Seri Begawan dan Kuala Lumpur memantapkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang yang manfaatnya dapat dinikmati dan diraih oleh rakyat kedua-dua buah negara.

Keberangkatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Sirajuddin dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah ke Negara Brunei Darussalam dari 10 hingga 12 Ogos, tidak syak lagi akan terus memahat dan meningkatkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama yang erat antara kedua-dua negara yang berjalin itu. Keberangkatan itu juga membawa pengertian yang besar ertinya dan mencerminkan hasrat kedua-dua negara untuk terus berkerja rapat bagi memperluas dan memperdalamkan lagi hubungan yang sedia ada.

Semangannya kerjasama antara Brunei dan Malaysia telah berjalan dalam suasana yang baik dan harmoni. Kerjasama di bidang politik, ekonomi, pendidikan, pelaburan, perdagangan, kesihatan, kebudayaan, sukan, kewangan dan lain-lain lagi bentuk kerjasama telah dapat dijalankan dan dilaksanakan dengan jayanya. Mekanisme kerjasama antara kedua-dua negara juga berjalan dengan baik terutama sekali melalui perundingan tahunan dua hala antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang telah berjalan sejak tahun 1997. Selain itu kedua-dua negara juga mengadakan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama yang telah diadakan sebanyak tiga kali di mana kali terakhir telah diadakan pada bulan Mac lalu di Kuala Lumpur.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah di Majlis Persantapan Diraja menegaskan bahawa Negara Brunei Darussalam sangat menghargai perasaan saling hormat menghormati dan persefahaman yang wujud antara kedua-dua negara yang merupakan asas kukuh untuk mencipta hubungan yang lebih erat lagi. Baginda juga sangat berbangga dan berpuas hati dengan perkembangan kerjasama yang rapat serta persefahaman yang wujud selama ini.

Namun demikian baginda berpendapat bahawa masih banyak ruang dan peluang bagi Brunei dan Malaysia terutama sekali bagi meningkatkan dan memantapkan hubungan perdagangan dua hala. Menurut baginda, pihak swasta memainkan peranan yang penting dalam menjaga pertumbuhan ekonomi serta dapat membantu meningkatkan hubungan dan kerjasama ekonomi. Ke arah itu adalah penting bagi Brunei dan Malaysia untuk menggalakkan interaksi yang lebih luas di antara sektor perniagaan kedua-dua buah negara.

Baginda juga percaya banyak aspek yang dapat dicapai melalui gabungan tenaga dan fikiran di dalam menangani bukan sahaja isu-isu ehwal serantau malahan juga isu-isu antarabangsa. Apapun alasannya, Brunei dan Malaysia penuh berkeyakinan untuk terus berkerja rapat ke arah memperluas dan memperdalamkan lagi hubungan negara berjalin itu. Hubungan persahabatan yang erat antara baginda dan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia akan dapat membantu meningkatkan lagi kerjasama dan persefahaman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dalam titah balas meletakkan rasa kagum mengenai perkembangan dan kemajuan pesat Negara Brunei Darussalam dalam semua bidang yang kini merupakan model sebuah negara Melayu Islam Beraja yang dinamik dan progresif. Ianya telah membuktikan kepada dunia bahawa kejayaan tersebut dapat dicapai dalam waktu yang singkat hasil daripada keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di dalam membawa kemajuan kepada rakyat dan Negara Brunei Darussalam.

Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia juga penuh yakin bahawa dengan kebijaksanaan dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Negara Brunei Darussalam juga akan menjadi negara yang penting di rantau ini di dalam penganjuran persidangan-persidangan utama antarabangsa. Ini terbukti dengan kejayaan menganjurkan Sidang Kemuncak ASEAN November 2001 dan Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Ke-35 (AMM), Forum Serantau ASEAN (ARF) dan Persidangan Pasca Menteri ASEAN (PMC) baru-baru ini.

Sesungguhnya hubungan erat dan mesra antara kedua-dua buah negara akan terus dipupuk. Hubungan akrab itu akan terus digiatkan dengan kerjasama yang lebih luas dan mendalam di dalam pelbagai bidang serta peringkat. Kerjasama sedemikian sudah setentunya akan membawa faedah besar kepada rakyat kedua-dua buah negara.

HALUAN...

Perdagangan dua hala terus dipertingkatkan



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail pada 10 hingga 12 Ogos 2002.

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir
Rahim

hadiri Majlis Persantapan di Kuala Lumpur sempena Pertabalan Paduka Kakanda pada bulan April yang lepas.

ALHAMDULIL-LAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'een 'Alaa Umuuriddunya Waddeen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen Sayyidina Muhammadin Wa'ala Aalihi Wasabihie Ajma'een Waba'du.

Terlebih dahulu, paduka adinda serta rakyat Negara Brunei Darussalam dengan amat sukacita mengalu-alukan keberangkatan paduka kakanda berdua ke Negara Brunei Darussalam.

Negara Brunei Darussalam amat menghargai keberangkatan paduka kakanda berdua, lebih-lebih lagi ia adalah merupakan lawatan negara pertama bagi paduka kakanda setelah ditabalkan menjadi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia.

Paduka adinda masih ingat layanan mesra yang telah diberikan kepada paduka adinda semasa meng-

hadiri Majlis Persantapan di Kuala Lumpur sempena Pertabalan Paduka Kakanda pada bulan April yang lepas.

HUBUNGAN PERIBADI

Hubungan kedua-dua negara kita bukan sahaja berasaskan pertalian bahasa, kebudayaan dan agama, tetapi juga dengan wujudnya hubungan peribadi yang erat lagi mesra di antara kesemua peringkat kedua-dua buah negara.

Negara Brunei Darussalam sangat menghargai perasaan saling hormat menghormati dan persefahaman di antara kedua-dua buah negara kita.

Ianya merupakan asas yang kukuh untuk kita mencipta hubungan yang lebih erat lagi.

Kerjasama Brunei, Malaysia rapat

PERUNDINGAN TAHUNAN

Paduka adinda sangat menghargai perundingan tahunan dua hala yang paduka adinda adakan bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perundingan-perundingan tersebut telah memberikan laluan bagi mengukuhkan lagi hubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara kita.

Kedua-dua buah negara juga telah mengadakan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Kali Ketiga di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Mesyuarat ini sekali lagi menunjukkan komitmen kedua-dua buah negara untuk mengembangkannya kerjasama dua hala di semua bidang bagi kepentingan bersama.

BERBANGGA

Sehubungan ini, paduka adinda juga merasa sangat berbangga dan puas hati dengan perkembangan kerjasama yang rapat serta persefahaman di antara kedua-dua buah negara.

Penubuhan perwakilan diplomatik di peringkat Konsulat Agung di Negeri Sarawak pada awal tahun ini, yang juga akan disusuli dengan penubuhan Konsulat Agung di Negeri

Sabah, akan dapat memastikan perhubungan kita akan menjadi bertambah mudah dan lebih kerap diadakan.

PELUANG

Paduka adinda berpendapat bahawa masih terdapat banyak peluang bagi meningkatkan perdagangan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Kedua-dua pihak mestilah seterusnya mengkaji bagaimana kita akan sentiasa dapat bersama-sama pada memanfaatkan kesempatan yang ada demi kebaikan dan kemandirian hubungan perdagangan kedua-dua buah negara kita.

Demikian juga pihak swasta turut memainkan peranan yang penting dalam menjaga pertumbuhan ekonomi negara serta dapat pula membantu meningkatkan hubungan dan kerjasama ekonomi di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

INTERAKSI

Adalah penting bagi kita untuk menggalakkan interaksi yang lebih luas di antara sektor perniagaan kedua-dua buah negara.

Paduka adinda percaya, banyak aspek yang dapat dicapai melalui gabungan tenaga dan fikiran di dalam menangani bukan sahaja

isu-isu ehwal serantau malahan juga isu-isu antarabangsa.

MEMPERLUAS

Paduka adinda penuh yakin bahawa Negara Brunei Darussalam dan Malaysia akan terus berkerja rapat untuk memperluaskan dan memperdalamkan lagi hubungan di antara kita.

Hubungan persahabatan yang erat di antara paduka kakanda dan paduka adinda, insya-Allah akan dapat membantu meningkatkan lagi kerjasama dan persefahaman di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

Pada mengakhirinya, paduka adinda sekali lagi mengalu-alukan keberangkatan paduka kakanda berdua serta rombongan ke Negara Brunei Darussalam.

Paduka adinda berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala semoga paduka kakanda dan kerabat diraja serta pemimpin-pemimpin Negara Malaysia, akan sentiasa berada dalam sihat dan sejahtera dan begitu juga negara serta rakyat Malaysia akan terus menikmati keamanan dan kemakmuran.

Sekian, Wabillahit Tuhfik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kebawah DYMM hantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Sellapan Rama Nathan, Presiden Republik Singapura dan Tuan Yang Terutama Goh Chok Tong, Perdana Menteri Republik Singapura bersempena Hari Kebangsaan Republik Singapura.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara kedua-dua buah negara. Baginda seterusnya percaya keadaan

sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya baginda berharap TYT Sellapan Rama Nathan sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat republik berkenaan akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu, di dalam perutusan kepada, Perdana Menteri Republik Singapura, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TYT sempena Hari Kebangsaan negara tersebut.

Baginda merakamkan perasaan gembira di

atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga TYT akan sentiasa dalam keadaan sihat dan sejahtera.

Sementara itu, DYT Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri juga berkenan menghantar perutusan yang sama kepada TYT Profesor S. Jayakumar, Menteri Luar Republik Singapura.

RAMAI orang mengatakan bahawa masa silam merupakan masa yang paling indah untuk dikenang. Namun demikian ada juga menganggapnya masa yang paling menyakitkan. Ertinya masa silam itu tidak semuanya indah, ada yang tidak indahnya. Barangkali itulah yang dinamakan keadaan yang tidak statik bahkan ia umpama pantai, sekali air bah sekali itulah juga ia berubah. Suasana juga mempengaruhi kehidupan, lalu menjana pelbagai peristiwa yang sentiasa melingkari hidup kita. Maka setiap yang tidak statik itu nescaya akan mengalami perubahan baik ia dalam bentuk rohani mahupun jasmani termasuklah sikap dan perangai kita dan juga tindak-tanduk kita pada setiap waktu. Malah kadang-kadang ada juga yang tidak mahu berubah tetapi akhirnya berubah juga. Barangkali itulah kekuatan keadaan yang melingkari kehidupan kita itu.

Dalam kaitan itu, budaya adalah faktor yang paling banyak mempengaruhi hidup ini dan juga turut sama terpaksa atau dipaksa mengikut keadaan itu.

Seperti yang kita janjikan minggu lalu itu, maka perkara yang ingin kita imbau kembali ialah mengenai sikap orang-orang di waktu silam itu apabila tiba sahaja masa 'beramai-ramai'.

Masa beramai-ramai bagi orang dahulu adalah masa yang tidak sahaja dinanti-nantikan bahkan ia juga merupakan satu takah yang seolah-olah berpeperangan sebagai sukut-sukat terhadap perkembangan satu-satu perkara itu. Lumba perahu tidak terkecuali terutama (kalau ada yang mahu tahu) dari segi tingkatan perpaduan, persefahaman dan pegeratan tali persaudaraan selain dari semangat memuncung-muncang yang kini selalu kita sebut-sebut itu. Itulah perkara-perkara penting yang baik benar untuk dirista dan dijadikan sandaran untuk kegunaan orang sekarang ini - jika ada yang masih mahu atau memerlukan. Kalau adapun mungkin sahaja yang hanya mahu untuk dijadikan khazanah yang hanya layak tersimpan di arkib-arkib muzium atau di pusat-pusat pengajian tinggi sahaja sebagai rujukan atau bahan bacaan sahaja - itu pun syukurilah. Sebab orang baharu selalu benar ditolak supaya melihat ke hadapan sebagai tiket penting mencapai sesuatu yang bernama kemajuan itu. Bagaimanapun sudah ada sekarang suara-suara yang seperti mengimbau kembali mengenai jati diri, purih bangsa, bersopan santun dan kembali kepada akar bangsa. Apakah sudah mula terlihat sesuatu yang membimbangkan dalam soal-soal yang demikian itu? Bila disebut purih dan akar bangsa, kedudukannya adalah umpama kita berjalan. Kita sudah terlalu jauh berjalan dan kita juga sudah terlalu banyak melangkah dan membuat langkah. Bukan sahaja kita telah merentasi masa yang panjang tetapi juga kita juga banyak melintasi suasana dan isinya dan sedar tidak sedar kita telah merasakan adanya perubahan dan adanya semacam kebingungan yang menyisipi perubahan itu. Umpamanya, kita sudah terlihat adanya semacam nafsu nafsi, kerenggangan dalam institusi kekeluargaan dan persaudaraan,

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

PERAHU DAN BERLUMBA

suasana kejiranan yang lain macam adanya dan bermacam-macam lagi terjadi. Mungkin saja semua itu dapat dikatakan sebagai risiko atau akibat dikeranakan pertumbuhan penduduk yang semakin ramai. Bagaimanapun pengimbangan keramaian itu adalah sejalan atau seiring dengan pelbagai kemudahan yang turut sama berlari dengan keadaan. Kalau yang bulat ia akan sama berputar dan kalau yang pipih ia akan sama melayang. Ertinya, semuanya telah diladani menurut sistem atau iramanya. Cuma yang menyulitkan itu ialah sikap sendiri dan kesikapan yang terbiaya yang sukar untuk jalan bersama. Hal begini sering saja berlaku di medan permainan dalam mana kemenangan itu adalah amat dipentingkan dari yang lain-lainnya. Cerita begini masih lagi belum banyak berubah termasuklah dalam lumba perahu yang kita perkatakan ini. Kita tidak segan-segan mengatakan bahawa lumba perahu di masa yang lalu itu seolah-olah satu medan untuk menunjukkan kekuatan dan kebenaran. Kita dan keluarga memang banyak melibatkan diri dalam meramairamairkan temasya tersebut di masa silam itu. Secara sepintas lalu dikatakan bahawa perselisihan dan pertengkaran seperti sukar sekali untuk dielakkan. Ada-ada sahaja yang tidak kena baik ketika berada di tempat berlepas mahupun dalam masa berkayuh dan di garis penamat.

Kita boleh tanyakan kepada siapa-siapa sahaja yang pernah menjadi pelepas perlumbaan, maka pengalaman mereka adalah hampir sama iaitu kesukaran untuk mensebariskan perahu-perahu peserta. Sukar untuk diatur kerana masing-masing mahu ke hadapan dan ada yang enggan berundur untuk mensebariskannya. Maka pelepas tidak ada pilihan yang terbaik melainkan melepaskan perlumbaan itu sahaja. Selain daripada itu, berimpit dan perlanggaran dalam masa berlumba itu selalu juga terjadi, malah kita dengar berlakunya pertengkaran selain ada juga yang karam. Kerana kejadian itu masing-masinglah mengkonon-kononkan umpamanya perlanggaran, keombakan, awal membayau sebelum senapang meletup (bagi yang menang), kena impit dan macam-macam lagi.

Tetapi cantiknya, orang dahulu itu ialah pertengkaran demikian itu tidak sampai ke mana-mana dan selesai di situ juga. Itulah sikap orang yang dahulu yang amat terpuji. Mungkin wujud dan terpeliharanya sikap yang terpuji itu ialah disebabkan yang mereka itu masing-masing ada hubungan persaudaraan tidak kira yang dibawa dari Lawas, Sundar, Sipitang dan dengan pelumba-pelumba Brunei sendiri, sedikit-tidaknya, mereka itu berkawan baik. Itulah antaranya yang dinamakan sikap dan kesikapan kita di sini. Kita tidak tahu sikap orang lain di rantau lain.

Bercakap mengenai dengan perahu pula. Perahu-perahu lumba masa silam itu adalah lebih kurang keadaannya dengan sekarang ini. Cuma sekarang ini terdapat perubahan dari segi badan perahu yang tidak lagi terbuat daripada kayu balak tetapi dicipta dengan bahannya daripada 'Fibreglass'.

Perahu-perahu itu dibentuk juga sama seperti perahu bagong ala Brunei dan telah dipergunakan semasa Sukan SEA diadakan di Brunei pada tahun 1999 yang lalu dan semua dicat warna putih dengan bertarikan lurikan air muleh iaitu satu lurikan yang dapat dikatakan menjadi kebanggaan kita yang awalnya dicipta oleh orang-orang di masa silam juga. Memang amat wajar dan patut benar kita berbangga terhadap hasil kerja demikian itu. Lagipun, kalau bukan kita siapa lagi? Dan berbangga kepada hasil cipta orang lain bukannya tidak boleh bahkan amat baik dipelajari dan dipakai mana-mana yang sesuai dengan kita asalkan kita tidak sampai kepada lupa diri apa lagi semacam merendahkan bangsa diri sendiri. Nanti kata orang umpama menepuk air di dulang pula. Kita memang memerlukan perubahan bahkan kita pun sudah berligar dalam serba perubahan itu sebagai satu bangsa yang mencintai kemajuan dalam serba-serbi apa lagi kita pun sudah semakin ramai. Generasi baru pula perlu kepada bimbingan agar dapat menyesuaikan diri dalam apa pun perubahan itu. Ertinya, kita semua yang masing-masing memiliki sesuatu yang perlu dicurahkan itu, kenalah melakukan yang terbaik untuk mereka

supaya keadaan aman, tenteram dan makmur terus terjamin. Demikian jugalah halnya dengan tradisi kita di sebalik yang tersirat dalam lumba perahu seawalnya dahulu itu dalam kaitannya dengan perpaduan dan persefahaman.

Masa lalu itu, sebulan dua akan diadakan temasya tersebut, tuan-tuan yang ampunya perahu lumba mula bersiap-siap meneliti perahu masing-masing yang tersimpan baik di sadaian khas sebelum diturunkan ke air. Kerja-kerja menguji itu dilakukan dengan amat teliti terutamanya proses mengecat sama ada satu warna, mewarna lagi - ada yang satu lagi dan ada yang bertingkat-tingkat raginya. Menurut pengalaman kita, soal kelainan warna perahu dan raginya adalah perlu daripada perahu-perahu yang dipunyai oleh orang lain. Kerana itu, kita disuruh melihat-lihat dari Saba ke Hulu mengenai apa warna yang sudah digunakan oleh orang lain supaya tidak sama. Kadang-kadang, tuan-tuan punya perahu itu mengadakan pertemuan di 'kedai kopi' membincangkan yang tidak setakat warna perahu bahkan juga mengenai 'pelumba masing-masing'. Sebab, selain dari pelumba-pelumba tempatan ada juga pelumba-pelumba yang diambil dari luar. (Bukan sahaja bola sepak ada pemain import. Sistem begini memang sudah wujud sejak di masa silam lagi).

Ada banyak sudut lagi yang bagus benar untuk dilihatkan kepada generasi sekarang ini mengenai perahu lumba terutama rahsia-rahsia di sebalik 'mengusai' perahu lumba itu, rahsia mengukur atau menyukat, rahsia caruk, rahsia ukuran pengayuh dan banyak lagi termasuklah mandi-mandian pelumba, pencaruk dan pengemudi dan rahsia menurunkan perahu dari sadaian dan rahsia pelumba masuk ke perahu masing-masing. Ertinya, bukan turun-turun ayam. Itu orang dahulu.

Nama perahu juga ada bermacam-macam seperti SANTANA, BULAN PURNAMA, NURISLAM, LANCANG KUNING, PELANDUK MELOMPAT, AJUNG MELANCAR, SINGA TERBANG, BINTANG TERBANG, SURUI LAUT, PUNAI, PURAGAM, ALAP-ALAP. Itu adalah sebahagian yang sudah lama benar. Tetapi nama-nama perahu yang agak baharu dan terbaharu ialah seperti SERI SUNGAI, SERI GUDAM (lama sudah tidak turun), KUCING HITAM, ANAK KUCING HITAM, SERI TAMOI, PIRANA, NUR RAHMAN, JAYA RAHMAN, SELINDANG MERAH, SERI MADEWA dan ada sebuah dua lagi yang kita tidak tercatat. Yang cukup menggembarakan ialah tuan-tuan punya perahu dalam masa yang terbaharu ini adalah terdiri dari generasi baru. Agaknya, mereka inilah penyambung generasi silam itu, mewarisi budaya datuk nenek mereka dan memiliki semangat yang kental dan juga memilih budaya ini sebagai satu cara pada menguatkan rasa amat taat setia yang tidak berbelah bagi terhadap Raja yang mereka kasihi dengan menyemarakkan sambutan Hari Keputeraan Baginda Ke-56 Tahun ini. Mudah-mudahanlah, keadaan yang demikian itu akan terus menjadi paku kepada keseluruhan diri kita agar negara dan bangsa kita terus-menerus menjadi satu bangsa yang cemerlang dunia dan akhirat.

Dua dilantik sebagai Timbalan Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Ogos. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Jabatan Perdana Menteri (JPM) memaklumkan bahawa baginda dengan sukacita membuat lantikan-lantikan seperti berikut:

Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dilantik men-



DATO Paduka Awang Haji Adanan.



DATO Paduka Awang Haji Suyoi.

jadi Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menggantikan Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid; dan

Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, dilantik menjadi Timbalan Menteri Pendidikan.

Menurut siaran akhbar JPM, baginda juga telah memperkenalkan lantikan Datin Paduka Hajah Jahrah binti Haji Muhammad, Pegawai Tugus-Tugas Khas

Kementerian Pendidikan dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan dan Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat, Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan.


Semua lantikan-lantikan itu berkuat kuasa mulai hari Jumaat, 9 Ogos 2002.



DATIN Paduka Hajah Jahrah.



PENGIRAN Datin Paduka Hajah Mariam.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan piala kepada johan qari Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan iaitu Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan piala kepada johan qariah iaitu Dayang Hajah Aminah binti Abdi Manaf (atas).

NAIB johan Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan iaitu bahagian qari dan qariah telah disandang oleh Mudim Haji Metassim bin Haji Metussin dan Dayang Hajah Malidah binti Haji Abdul Rahman. Gambar kanan dan kanan sekali, kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengurniakan hadiah kepada kedua-dua pemenang tersebut.



BERANGKAT sama di majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Berangkat mengurniakan hadiah-hadiah Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan 1423 Hijrah

BERAKAS, 8 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan hadiah-hadiah Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1423 Hijrah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini telah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain serta ahli-ahli jawatankuasa tertinggi pertandingan.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis pada malam kedua itu telah dimulakan dengan sembah alu-aluan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi

Liputan Bolhassan HAB dan Aliddin HM. Gambar-gambar oleh Masri Osman, Hamadi HM dan Mohd. Zul-izzi HD.

Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1423 Hijrah.

Di majlis tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan titah.

Pengumuman keputusan pertandingan membaca Al-Quran telah disampaikan oleh Pengerusi Jemaah Hakim, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah-hadiah kepada para peserta dan hakim-hakim pertandingan.

Johan bahagian qari Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan

Lihat muka 5

BAGI memberkati majlis, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal (bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama anakanda-anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pertandingan seluruh tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa sambil dilirungi oleh Menteri Hal Ehwal Ugama.



JOHAN qari, Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman.



NAIB johan qari, Mudim Haji Metassim bin Haji Metussin.



JOHAN qariah, Dayang Hajah Aminah binti Abdi Manaf.



NAIB johan qariah, Dayang Hajah Maidah binti Haji Abdul Rahman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain ketika berangkat di Majlis Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1423 Hijrah yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Dari muka 4

Tahun 1423 Hijrah disandang oleh Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman dengan menerima hadiah \$5,000.00; piala pusingan, piala iringan berserta sijil penyertaan.

Sementara itu naib johan qari menerima hadiah \$3,000.00 berserta sijil penyertaan jatuh kepada Mudim Haji Metassim bin Haji Metussin dan tempat ketiga disandang oleh Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Abdul Kadir menerima hadiah \$2,000.00 berserta sijil penyertaan.

Dalam bahagian qariah, johan telah disandang oleh Dayang Hajah Aminah binti Abdi Manaf dengan menerima hadiah \$5,000.00; piala pusingan, piala iringan berserta sijil penyertaan.

Manakala naib johan, Dayang Hajah Maidah binti Haji Abdul Rahman

menerima \$3,000.00 berserta sijil penyertaan dan Dayang Hajah Rokiah binti Haji Ibrahim menduduki tempat ketiga menerima \$2,000.00 berserta sijil penyertaan.

Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1423 Hijrah telah diserikan dengan persembahan nasyid oleh Kumpulan Nasyid Najatul Iman Saudara-saudara Baru Daerah Brunei dan Muara.

Bagi memberkati majlis, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Seri Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Johan qari dan qariah Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan akan mewakili negara ke Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada pemenang ketiga bahagian qari dan qariah tahun ini iaitu Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Abdul Kadir dan Dayang Hajah Rokiah binti Haji Ibrahim (gambar kiri sekali dan kiri).

Persefahaman sangat mustahak - titah

BERAKAS, 9 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bertitah, persefahaman adalah sangat mustahak di zaman ini, lebih-lebih lagi dengan pelbagai perubahan yang berlaku di segenap pelusuk dunia.

Hasil dari persefahaman tersebut titah baginda,

akan membantu dalam mewujudkan kerukunan dan kedamaian hidup antarabangsa, walaupun masing-masing mempunyai bahasa, budaya adat resam dan agama yang berbeza-beza.

Demikian juga titah baginda, persefahaman dan kerukunan dalam hidup berkeluarga, hendaklah sentiasa diberikan keuta-

Oleh Ak. Jefferi PD

maan dan janganlah hendaknya kesibukan di tempat kerja atau dalam mengendalikan sesuatu kegiatan itu menyebabkan kerukunan dalam hidup berkeluarga terjejas dan tanggungjawab utama ibu bapa kepada keluarga dan anak-anak diabaikan.

"Akibatnya bukan saja boleh mendatangkan masalah yang ditanggung oleh keluarga dan anak-anak tersebut, bahkan lambat-laun akan menjadi bebanan sosial kepada negara," titah baginda ketika merasmikan Pameran Urusan Rumah Tangga 2002 sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-56 Tahun.

Baginda bertitah, mene-

rusi pertandingan itu juga merupakan kesempatan yang baik bagi kaum wanita Brunei untuk menampilkan kebolehan dan daya cipta masing-masing, khususnya dari segi masakan dan hasil kerja tangan.

"Penyertaan mereka dalam pertandingan itu, juga telah memberi peluang kepada mereka untuk saling bertukar pandangan dan

berkongsi pengalaman terutama yang berkaitan dengan wanita dan urusan rumah tangga," titah baginda.

Baginda bertitah, dengan demikian, ianya akan dapat meningkatkan lagi persefahaman dan hubungan yang sedia terjalin di antara negara kita dengan negara-negara sahabat.

Baginda juga berkenan mengurniakan hadiah ke-

pada pemenang terbaik bagi tiap-tiap bahagian dan juga cenderamata kepada peserta jemputan.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan menyembahkan pesambah ke hadapan majlis baginda.

Baginda juga berangkat untuk menyaksikan pameran dan pertandingan yang diadakan di ruang lain pusat tersebut.

Mesyuarat Menteri-menteri IDEA di Jepun

Jepun bantu negara Asia Timur terus membangun

TOKYO, 11 Ogos. - Jepun sebagai kuasa ekonomi di rantau ini ingin terus melihat negara-negara di Asia Timur terus membangun dan berkembang dalam pelbagai aspek.

Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi telah mengusulkan satu inisiatif pembangunan bagi negara-negara di Asia Timur tidak terkecuali anggota-anggota baru ASEAN.

Mesyuarat Menteri-menteri Inisiatif bagi Pembangunan Asia Timur (IDEA) juga membabitkan China dan Korea yang disifatkan Jepun sebagai rakan membangun ekonomi di Asia Timur.

Walaupun mesyuarat ini merupakan yang per-

tama kali diadakan dan tidak banyak keterangan yang diperolehi darinya tapi mengikut sumber dari Jepun mesyuarat tersebut merupakan inisiatif Jepun untuk melihat negara-negara Asia Timur terus membangun dan berkembang dalam ekonomi di sebalik kegawatan ekonomi dan krisis kewangan yang melanda beberapa tahun lalu.

Ia juga boleh dianggap sebagai satu lanjutan Mesyuarat ASEAN-Jepun dan ASEAN+3 yang telah banyak memaparkan kemajuan dan perkembangan di mana sejak beberapa tahun lalu ekonomi negara-negara di Asia Timur meningkat.

Selain Negara Brunei Darussalam yang diwakili

Liputan
Abdullah Asgar
dari Tokyo, Jepun

oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri di mesyuarat itu ia juga disertai oleh Malaysia, Republik Filipina, Thailand, Republik Singapura, Republik Indonesia, Viet Nam, Kemboja, Myanmar dan Republik Demokratik Rakyat Lao.

Mesyuarat pegawai-pegawai kanan IDEA diadakan pada sebelah petang di Imperial Hotel di sini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri mengadakan perjumpaan dua hala bersama Menteri Hal Ehwal Luar Jepun, Puan Yang Terutama Yoriko Kawaguchi - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Jepun lahirkan penghargaan

TOKYO, 11 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam bersama Menteri Hal Ehwal Luar Jepun, Puan Yang Terutama Yoriko Kawaguchi mengadakan perjumpaan dua hala.

Dalam perjumpaan yang hampir setengah jam itu kedua-dua menteri luar telah membincangkan hal-hal dua hala dan bertukar-tukar pandangan mengenai beberapa isu serantau dan antarabangsa bagi kepentingan bersama.

Kedua-dua menteri sebelum ini pernah mengadakan perjumpaan ketika berlangsungnya Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN (AMM), Forum Serantau ASEAN (ARF) dan Persidangan Selepas Mesyuarat Menteri-menteri (PMC) di Bandar Seri Begawan bulan lalu.

Di perjumpaan itu, PYT Yoriko Kawaguchi telah

melahirkan penghargaan kepada Duli Yang Teramat Mulia atas kejayaan Negara Brunei Darussalam mengadakan AMM, ARF dan PMC, di mana Jepun memberi sokongan penuh dalam semua perbincangan dan beberapa persetujuan diambil di ketiga-tiga mesyuarat itu.

Duli Yang Teramat Mulia itu juga melahirkan ucapan terima kasih kepada PYT kerana inisiatif Jepun untuk mengadakan Mesyuarat Menteri-menteri Bagi Inisiatif Pembangunan Asia Timur (IDEA) dan atas undangannya menghadiri mesyuarat tersebut.

Duli Yang Teramat Mulia berharap agar di Mesyuarat itu akan menghasilkan beberapa keputusan yang sangat konkrit pada Inisiatif Pembangunan Asia Timur.

Selepas perjumpaan itu, PYT Yoriko Kawaguchi mengadakan pula perjumpaan bersama Menteri Hal Ehwal Luar Republik Filipina yang juga hadir bagi Mesyuarat IDEA.

Menteri-menteri IDEA diraikan di Majlis Makan Malam

TOKYO, 11 Ogos. - Menteri Hal Ehwal Luar Jepun, Puan Yang Terutama Yoriko Kawaguchi mengadakan Majlis Makan Malam kepada Menteri-menteri Asia Timur dan perwakilan Republik Rakyat China dan Republik Korea sempena berlangsungnya Mesyuarat Menteri-menteri Inisiatif Bagi Pembangunan Asia Timur (IDEA).

Berangkat ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei

Darussalam.

Majlis Makan Malam tersebut bertempat di salah sebuah hotel tempat berlangsungnya Mesyuarat IDEA 12 Ogos.

Wakil Perdana Menteri Jepun, Tuan Seiken Sugi Ura merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri IDEA dan menyampaikan ucapannya.

Mengikut sumber dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam sesi mesyuarat itu dibahagikan kepada dua sesi.

Sesi pertama waktu pagi ialah membincangkan pertumbuhan dan

pembangunan Asia Timur di mana setiap menteri memberikan ucapan masing-masing dan disusuli dengan perbincangan bebas.

Sementara sesi kedua di sebelah petang menumpukan kepada kerjasama serantau dan timbulnya cabaran-cabaran serantau yang diikuti dengan kenyataan lima dan enam negara-negara yang menyertai.

Ini merupakan mesyuarat pertama IDEA yang diinisiatifkan oleh Jepun dalam usaha ingin berkongsi dan melihat negara-negara Asia Timur terus membangun.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima junjung ziarah Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri sebelum berangkat ke Tokyo, Jepun bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Inisiatif Bagi Pembangunan Asia Timur (IDEA).



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Wangsa Dato Paduka Seri Laila Jasa Haji Awang Ahmad Wally Skinner (kiri) menerima cenderamata dari Royal Bank of Canada sejourus merasmikan bank tersebut. - Gambar oleh Masri Osman.

MOU Pelancongan Brunei-Kanada

Meningkatkan industri pelancongan

BERAKAS, 31 Julai. - Negara Brunei Darussalam mengharapkan peningkatan pelancongan terdiri dari rakyat Kanada dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Trade Winds Management Sendirian Berhad, Brunei Darussalam bersama Executive Hotels dan Resorts, Vancouver, Kanada.

MOU tersebut diharap ia akan menjadi satu loncatan penting di dalam perkembangan industri pelancongan bagi Brunei Darussalam dan Kanada.

Menandatangani MOU berkenaan bagi pihak Trade Winds Management ialah Pengerusinya Awang Shamsul Bahrin Ahmad, manakala Executive Hotels and Resorts, Kanada diwakili oleh Pengerusi Operasinya, Awang Michael Lunn bagi pihak Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden, Executive Hotels and Resorts.

Ia disaksikan oleh Ahli Parlimen dari Pierrefonds/Dollard, Kanada yang juga selaku Pengerusi Rumah Kanada bagi Jawatankuasa Tetap Umum Hal Ehwal Luar dan Perdagangan Antarabangsa, Yang Berhormat Dr. Bernard Patry. Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Dato Paduka Awang Haji Idris Haji Belaman dan Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Neil Reeder bertempati di sebuah hotel di sini.

Oleh Abdullah Asgar

Setiausaha Tetap KPSSU, Dato Paduka Awang Haji Idris memberitahu wakil PELITA BRUNEI, dengan termeterainya MOU itu Negara Brunei Darussalam berharap akan ada peningkatan dan persefahaman dari segi industri pelancongan di negara ini khususnya bertambahnya pelancong-pelancong dari Kanada dan sekitarnya.

Katanya, dengan perjanjian itu kedua-dua pihak menaruh harapan tinggi akan membuka peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan khususnya dalam industri pelancongan negara.

Beliau memberitahu PELITA BRUNEI ketika ditemu duga selepas menandatangani perjanjian itu.

Kanada sebagai rakan dialog ASEAN dalam Forum Serantau ASEAN (ARF) memang komited secara langsung ingin melihat industri pelancongan ASEAN terus meningkat tidak terkecuali Negara Brunei Darussalam.

Ini terbukti dengan pembukaan cawangan Royal Bank of Canada di negara ini, sebagai sebuah bank swasta dan juga menandatangani perjanjian program berkembar dalam jurusan bioteknologi di antara Universiti Brunei Darussalam (UBD) bersama University of Windsor, Kanada.

Pembukaan Royal Bank of Canada di sini

Membuktikan keyakinan kepada BIFC

Oleh Samle HJ

Perintah Insurans dan Takaful 2002 telah dikuatkuasakan pada 1 Julai lalu.

Lesen di bawah Perintah Sekuriti 2001 yang diberikan kepada Syarikat Bursa Saham Antarabangsa Brunei Berhad untuk menjalankan perniagaan bursa saham antarabangsa di sini juga telah diluluskan baru-baru ini.

Yang Dimuliakan berkata langkah yang diambil oleh kerajaan menjanjikan peluang untuk menyediakan infrastruktur kewangan yang inovatif dan berdaya saing yang ditadbir dengan cara moden bagi membina keyakinan dan kepercayaan masyarakat kewangan antarabangsa melabur di negara ini.

Royal Bank of Canada yang membuka cawangan perbankan peribadinya di

negara ini adalah bank asing yang pertama dianugerahkan lesen perbankan luar pantai di negara ini.

Menteri Luar Kanada, Yang Berhormat Bill Graham dan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Bagi Hal Ehwal Luar Negara dan Perdagangan Antarabangsa Kanada, TYT Bernard Patry turut hadir di majlis bersejarah itu.

YB Bill Graham dalam ucapannya melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mengambil inisiatif bagi penubuhan BIFC sebagai langkah mengukuhkan kepercayaan ekonomi.

Katanya, pengembangan sektor perkhidmatan kewangan Brunei dan penubuhan BIFC akan menyediakan jalan baru kepada kemajuan

ekonomi dan pekerjaan, di samping peralihan teknologi dan kemahiran kepada masyarakat tempatan di masa akan datang.

Beliau yakin tertubuhnya cawangan itu akan meneraju bagi peningkatan kerjasama di antara Kanada dan Negara Brunei Darussalam dalam sektor perkhidmatan kewangan dan menggalak lebih banyak pelaburan kedua-dua buah negara.

Menteri Luar Kanada itu juga berharap langkah penubuhan cawangan itu akan memberi tarikan kepada lebih banyak bank antarabangsa dan meningkatkan peluang-peluang dalam sektor kewangan Brunei.

Ketika ini bank tersebut mempunyai lebih 58,000 pekerja dengan memberikan perkhidmatan lebih 12 juta pelanggan persendirian, sektor perniagaan dan awam di Amerika Selatan selain kepada 30 negara di seluruh dunia.



MAJLIS Menandatangani Memorandum Persefahaman SAPURA (B) Sdn. Bhd. dan AIKS Technologies Innovations Canada bagi kerjasama di bidang Perhubungan Teknologi Maklumat (ICT). - Gambar oleh Abdullah HAD.

Kanada bantu perkenalkan teknologi perhubungan

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Ogos. - Kanada bersedia membantu memperkenalkan teknologi perhubungan dan maklumat yang terkini kepada Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Bantuan tersebut bagi memberi peluang anak-anak muda tempatan mengenali teknologi terbaik di mata dunia memandangkan negara tersebut sebagai sebuah negara antarabangsa yang termuka di dalam bidang Perhubungan Teknologi Maklumat (ICT) dan

Oleh Awangku Jefferi PD

melibatkan diri dalam syarikat-syarikat telekom yang bergerak aktif di negara ini.

Ke arah itu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani di antara firma teknologi tempatan SAPURA (B) Sdn. Bhd. yang diwakili Pengarah Urusannya, Awang Darren On dan Presiden AIKS Technologies Innovations Canada, Awang Moustafa Talaat yang berlangsung di

salah sebuah hotel termuka di sini.

Penandatanganan tersebut lebih menuju kepada harapan di dalam menyaksikan kejayaan yang diharapkan akan dapat dicapai bagi pihak Kanada dalam memperkenalkan syarikat teknologi mereka.

Hadir bagi menyaksikan majlis penandatanganan tersebut ialah Pengerusi SAPURA (B) Sdn. Bhd., Awang Ahmad Isa dan juga Pesuruhjaya Tinggi Kanada, Tuan Yang Terutama Neil Reeder.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) PUSAT DA'WAH ISLAMIAH, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BIL	JENIS PERKHIDMATAN	TPOR
1	Penapisan sebuah buku : i. Melebihi 300 muka surat ii. Kurang daripada 300 muka surat iii. Kurang daripada 100 muka surat iv. Ulasan terhadap buku-buku yang tidak lulus	7 hari 4 hari 3 hari 3 hari
2	Penapisan Kaset : i. Penapisan tiga (3) buah kaset ii. Ulasan terhadap kaset yang tidak lulus	1 hari 2 hari



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam, Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.) ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Sirajuddin.

Liputan Abd. Karim HAB.
Gambar-gambar oleh Harun HR Abdullah HAD Hamadi HM dan Hj. Masmaleh HMA

Keberangkatan Lawatan Negara Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-

Dikurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam (D.K.M.B.)

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam, Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.) ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail semasa Majlis Kunjungan Muhibah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid di Balai Penghadapan Istana Nurul Iman sempena keberangkatan negara selama tiga hari ke negara ini.

Sebaik sempurna pengurniaan Bintang Kebesaran itu, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan ahli kerabat diraja yang lain serta ahli-ahli rombongan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong juga berangkat sama di majlis itu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia berbual mesra sejeurus selesai Majlis Kunjungan Muhibah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong disembahkan kepada pembesar-pembesar Negara Brunei Darussalam.



BERANGKAT sama di Majlis Kunjungan Muhibah rombongan diraja Malaysia itu ialah anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia, Yang Amat Mulia Dato' Seri Sharifah Fazrah, anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain (atas). Sementara gambar kanan, ratusan murid-murid sekolah mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam dan Malaysia bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan rombongan.

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid berangkat tiba hari ini bagi keberangkatan negara selama tiga hari.

Keberangkatan tiba baginda berdua di Istana Nurul Iman dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berangkat ke pentas diraja untuk menerima hormat

daraja meriam das. Keba Maha Baginda Agong Kebawah Maha Baginda Di-Pertu Darussalam dijun barisan matan 110 Batalio Tentera Diraja perinta Yusof Rahman Sete berdu ke pe menerin sambil

Kemudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berangkat ke pentas diraja untuk menerima hormat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong disembahkan kepada pembesar-pembesar Negara Brunei Darussalam.



Yang ong



kedua-dua buah negara dimainkan oleh Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah disembahkan kepada ahli-ahli kerabat diraja; para menteri kabinet, ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Pemerintah ABDB, Pesuruhjaya Polis, ketua-ketua perwakilan asing, para setiasusaha tetap Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan isteri masing-masing.

Kemudian ahli-ahli rombongan rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mu-

lia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pula disembahkan kepada hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri.

Setelah itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berangkat ke Balai Penghadapan untuk Majlis Kunjungan Muhibah.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan ahli kerabat diraja yang lain juga berangkat sama di majlis itu.

Rombongan tetamu diraja juga disertai oleh anakanda baginda, Yang Amat Mulia Dato' Seri Sharifah Fazira, Tengku Putri Mahkota Perlis dan suami; adinda-adinda baginda, Yang Amat Mulia Tengku Syarif Bendahara Perlis, Dato' Seri Diraja Syed Badaruddin dan isteri dan Yang Amat Mulia Tengku Syarif Temenggung Perlis, Dato' Seri Diraja Syed Amir Abidin dan cucunda baginda, Yang Mulia Putri Nurulshazwani binti Haji Mohamad Yaacob.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah menadah tangan ketika doa dibacakan sempena Majlis kunjungan Muhibah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berkenan menerima junjung ziarah para pembesar negara sejurus tiba di negara ini. Berangkat sama mengalu-alukan keberangkatan tiba baginda ialah DYT Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.



BERANGKAT sama di Majlis Kunjungan Muhibah di Istana Nurul Iman ialah kerabat diraja Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima kunjungan muhibah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Keberangkatan tiba Yang Di-Pertuan Agong Malaysia

BERAKAS, 10 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid berangkat tiba di negara ini hari ini bagi lawatan negara selama tiga hari.

Pesawat khas yang membawa rombongan diraja itu selamat mendarat kira-kira jam 11.57 pagi di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dengan dijunjung oleh Pengarah Protokol dan Hal Ehwal Konsular Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Dato Salman bin Ahmad.

Berada di lapangan terbang bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba baginda berdua, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan ahli kerabat diraja yang lain juga berangkat sama di majlis itu.

Oleh
Dayangku Hajah
Saidah PHO

Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong kemudian disembahkan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia mengemuka 47 ahli rombongan antara lain terdiri daripada anakanda baginda, Yang Amat Mulia Dato' Seri Sharifah Fazira; cucunda baginda, Yang Mulia Putri Nurulshazwani dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dilantik menjadi Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-12 dalam istiadat yang gilang-gemilang pada 13 September tahun lalu.

Semasa berada di negara ini baginda melawat ke Kompleks Champion 7 dan Loji Gas Cair Asli Brunei (BLNG), manakala permaisuri baginda melawat ke Persatuan Pandu Puteri, menyusur sungai Brunei dan baginda berdua juga mengadakan Majlis Jamuan Teh dan Ramah Mesra Masyarakat Malaysia yang berada di negara ini.

Hari Kebangsaan membina semangat patriotisme dan cintakan tanah air

Oleh Awangku Jefferi PD

BERAKAS, 5 Ogos. - Sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan sebagai salah satu acara penting di Negara Brunei Darussalam dalam konteks hidup berbangsa dan bernegara, kata Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sehubungan itu kata Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr) Haji Awang Hussain, menambah kata, selaku perancang dan pelaksana rancangan-rancangan sambutan akan dapat menyusun rancangan-rancangan yang benar-benar bererti, tepat dan berdaya saing dengan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.

Yang Berhormat selaku Pengerusi Jawatan-

kuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19 yang diadakan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Dengan keupayaan tersebut, kata Yang Berhormat, mereka akan dapat membina semangat patriotisme dan cintakan tanah air serta perpaduan di kalangan bangsa Brunei sangat penting disuburkan sebagai strategi menghadapi arus perubahan dan cabaran-cabaran globalisasi yang melanda bangsa dan negara.

Di mesyuarat tersebut kesemua ahli jawatankuasa tertinggi sambutan telah sepakat dan bersetuju memilih tema Hari Kebangsaan Negara Brunei



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr) Haji Awang Hussain, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Darussalam Ke-19 pada tahun hadapan 'Bangsa Berilmu Negara Maju.'

Mesyuarat tersebut juga menguraikan isi pengertian tema, logo dan konsep serta format Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan.

Pengertian tema Hari Kebangsaan antara lain menyingkap mengenai kemajuan sesebuah negara berlatarbelakangkan bangsa yang mempergunakan ilmu dan kepandaannya itu dengan sebaik-baiknya serta tidak jemu-jemu menim-

ba apa jua bidang ilmu dan menyebarkan kepada anak bangsanya.

Dengan demikian anak bangsanya akan mempunyai nilai-nilai murni, berdisiplin, komited, bertanggungjawab, bersatu padu, efisien, progresif, produktif, bersopan santun dan berakhlak tinggi.

'Bangsa Berilmu' pula membawa pengertian tidak ada negara yang dapat bangun tanpa ilmu. Usaha pihak kerajaan memberikan peluang kepada anak bangsa, negara telah dapat membangun

dengan pesatnya dan hasil kemajuan yang dicapai menjadikan negara terkenal dan melahirkan bangsa yang berilmu yang dapat dibanggakan.

Manakala 'Negara Maju' pula bererti konseptual kegemilangan bangsa dan negara melihat kemakmuran, keharmonian bangsa dan betapa beruntungnya kita sebagai bangsa Brunei yang bernaung di bawah panji-panji kerajaan telah diberi peluang menuntut ilmu semata-mata bagi mendukung has-

rat dan cita-cita kerajaan.

Tema 'Bangsa Berilmu Negara Maju' mengandungi sebuah impian besar atau gagasan perdana bagi melahirkan warga Brunei yang berilmu dan berjasa kepada negara. Sejak dahulu lagi sehingga alaf baru atau era globalisasi, ilmu tetap diberi penghormatan untuk berada di tangga paling atas dalam konteks pembangunan bangsa dan kemajuan negara. Pengabaian ilmu membawa kepada kelemahan, keruntuhan dan kemusnahan.



PEGAWAI-PEGAWAI kanan kerajaan hadir di Mesyuarat Kedua Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Pegawai Memerintah baru Kompeni Askar Wanita

BERAKAS, 26 Julai. - Kompeni Askar Wanita Diraja Brunei (KAW) hari ini mempunyai Pegawai Memerintah yang baru setelah Pegawai Memerintah yang lama menyerahkan tugasnya.

Majlis yang berlangsung di Padang Kawad, Bolkiah Garison itu me-

nyaksikan penyerahan tugas oleh Mejar Hajah Maimon kepada Mejar Hajah Noraini selaku pegawai Memerintah yang baru bagi Kompeni Askar Wanita Diraja Brunei.

Kemuncak majlis pada hari itu ialah penandatanganan serah terima tugas.

Terdahulu dari itu ialah pemeriksaan perbarisan yang terdiri dari anggota-anggota KAW.

Mejar Hajah Maimon memasuki tentera sejak tahun 1984 dan menjadi Pegawai Memerintah KAW sejak Ogos tahun 2000.



PENYERAHAN tugas selaku Pegawai Memerintah Kompeni Askar Wanita Diraja Brunei oleh Mejar Hajah Maimon kepada Mejar Hajah Noraini. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Al-Quran mengandungi nasihat, panduan berguna

Oleh
Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN. - Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof berkata Al-Quran sepatutnya bukan sekadar dibaca, tetapi dihayati dan difahami isi kandungannya.

Ini kerana Al-Quran itu mengandungi pelbagai nasihat serta panduan yang berguna kepada manusia khususnya umat Islam sama ada bagi kesejahteraan hidup di dunia mahupun di akhirat, katanya.

Pengiran Dato Paduka menyatakan perkara tersebut di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran bagi pegawai-pegawai masjid senegara sempena memperingati Minggu Masjid Sedunia yang disambut setiap bulan Ogos yang berlangsung di Masjid Omar Ali Saifuddin di sini.

Beliau menambah keluasan ilmu Al-Quran itu tidak diperhatikan kerana ia hanya difokuskan kepada ilmu fikah sahaja sedangkan Al-Quran itu boleh dijadikan sebagai pusat perkembangan ilmu.

Lebih jauh lagi keluasan ilmu Al-Quran diambil serta dimanfaatkan oleh orang-orang bukan Islam yang menyebabkan lemahnya semangat ilmiah umat Islam, jelasnya.

Oleh itu tegasnya, sudah tiba masanya umat Islam sedar dari angan-angan yang merugikan dan bangun dari tidur yang panjang untuk membina semula rasa tanggungjawab mereka kepada ilmu Al-Quran.

Johan disandang oleh Pehin Khatib Awang Haji Zainuddin dan naib johan, Mudim Awang Haji Amran mewakili Masjid Omar Ali Saifuddin.

Sementara tempat ketiga Awang Haji Sabtu bin Haji Abdullah dari Masjid Kampong Tamoi.

PENGARAH URUSAN YAYASAN YANG BARU



DATO Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Dato Pehin Dato Pehin Dato dilantik selaku Pengarah Urusan SHHB mulai 1 Jun 2002 dan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (Dana) mulai 1 Mei 2002.

BANDAR SERI BEGAWAN. - Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah (Yayasan) memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng mengundurkan diri dari jawatan beliau sebagai Pengarah Urusan Yayasan.

Berikutan dengan itu baginda telah berkenan untuk melantik Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Dato Pehin Dato Pehin Dato sebagai Ahli Lembaga Pengarah Yayasan dan seterusnya sebagai Pengarah Urusan Yayasan mulai 19 Rabiulawal 1423H bersamaan 1 Jun 2002.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan juga berkenan melantik Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Dato Pehin Dato Pehin Dato sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (Dana) mulai 18 Safar 1423H bersamaan 1 Mei 2002.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng masih menjadi Ahli Lembaga Pengarah Yayasan dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menjelaskan masalah salah guna internet di kalangan belia merosakkan minda generasi masa kini. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Kementerian Kesihatan terus mantapkan sistem rekod perubatan

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Julai. - Kementerian Kesihatan terus mantapkan sistem rekod perubatan pesakitnya kepada satu sistem yang lebih 'updated' dengan memperkenalkan sistem berkomputer supaya ia lebih tepat dan cepat.

Sistem lama yang menggunakan 'record card' dianggap lapuk dan lambat serta kurang tepat di era teknologi canggih dan multimedia ini.

Sekarang di mana-mana rumah sakit di negara ini telah menggunakan sistem 'terminal digit filing' yang menggunakan skim kod warna dan 'patient master index' berkomputer yang lebih efisien, tepat dan cepat.

Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin membuat kenyataan itu ketika berucap sebelum membuka rasmi Bengkel Sistem Informasi Kesihatan di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Walau bagaimanapun menurutnya, masih terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan oleh kementerian berkenaan terutamanya dalam usahanya memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

"Rancangan strategik ini, juga telah mengenal pasti akan keperluan penggunaan sistem berkomputer di mana ia berkeupayaan bagi mengukuhkan dalam memperoleh data-data dan maklumat yang tepat dan kemas kini," katanya.

Oleh Abdullah Asgar

Perkara itu perlu bagi memberikan perkhidmatan yang sempurna, terutama sekali yang berhubung kait dengan perawatan pesakit, tambahnya.

Oleh yang demikian jelasnya, adalah penting supaya pengurusan di bahagian rekod-rekod perubatan diperkemas kini dan dipertingkatkan kualitinya.

"Maklumat-maklumat yang terkandung di dalamnya hendaklah tepat, lengkap, kemas dan terkini untuk digunakan dalam memberikan rawatan terhadap pesakit," jelas Dato Paduka.

Beliau juga menyeru kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam hal itu supaya memberikan perhatian yang lebih serius sebagai usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan.

Bengkel pertama kali ini disertai oleh pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan rekod perubatan dikendalikan oleh seorang profesor dari Sekolah Maklumat Kesihatan, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Sydney, Australia, Profesor Phyllis Weston.

Beliau adalah seorang ahli akademik yang dilantik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai konsultan dalam bidang maklumat kesihatan di Pulau Solomon, Korea Selatan, Malaysia dan Brunei Negara Darussalam.

Oleh Abdullah Asgar

JERUDONG, 5 Ogos. - Kewujudan Teknologi Informasi Komunikasi (ICT) dan internet di era dunia tanpa sempadan ini tidak seharusnya disalahgunakan oleh mana-mana pihak termasuk golongan belia dan masyarakat umumnya.

Perbuatan salah guna ICT dan internet pada masa ini tidak seharusnya dibiarkan dan hendaklah ditangani oleh semua pihak untuk mengelakkan dari mempengaruhi pemikiran dan minda masyarakat.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menekankan bahawa masalah salah guna internet di kalangan belia dianggap boleh mempengaruhi dan menyusupi minda generasi masa kini sehingga menyebabkan terjadinya masalah sosial.

Yang Berhormat berpendapat nilai dan etika dalam masyarakat juga boleh terhakis jika generasi muda memilih untuk berinteraksi secara elektronik dari bersemuka.

"Mereka mungkin menambah horizon elektronik dan pergaulan 'face-to-face' mereka," kata Yang Berhormat.

Beliau berucap demikian di majlis Perasmian Telekomuniti Asia-Pasifik (APT) - Mesyuarat Ke-2 Inisiatif Asia-Pasifik Bagi Masyarakat Berinformasi (AIIS) bermula pada 5 hingga 9 Ogos 2002 di Empire

ICT tidak harus disalahgunakan

Hotel and Country Club di sini.

Menurut Yang Berhormat, internet merupakan pintu yang boleh dibuka dan terserah kepada pengguna untuk membuka pintu mana yang disukai serta sejauh mana dia mahu pergi, oleh itu pengguna mempunyai pilihan untuk menggunakan internet mengikut keperluannya.

Katanya, sebagai satu badan kolektif yang memfokuskan ke arah pewujudan masyarakat bermaklumat di rantau ini, maka adalah menjadi tugas kita menitikberatkan manfaat internet dengan mendidik

masyarakat dan menyediakan mereka bimbingan yang betul, di samping memberikan sokongan dan galakan.

"Kita perlu menimbang dan mengurangkan pengaruh-pengaruh negatif dari internet dengan meningkatkan dan menekankan ke arah penggunaan yang lebih positif. Ia adalah satu fakta yang kita harus terima," tambahnya.

Kita perlu mendidik dan mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat bagi menghasilkan masyarakat bermaklumat yang sihat, inovatif dan kompetitif serta mampu

nyai pegangan moral dan nilai-nilai bermasyarakat yang kukuh, jelasnya.

Mesyuarat lima hari itu antara lain membincangkan pelaksanaan Deklarasi Tokyo dan Pelan Bertindak Bagi Masyarakat Berinformasi.

Mesyuarat juga akan memberi perhatian dan mengenal pasti secara lebih spesifik langkah-langkah Asia-Pasifik dalam merapatkan jurang digital.

Ahli-ahli APT juga mengetengahkan dan membincangkan inisiatif-inisiatif, projek AIIS dan kegiatan kegiatan masa depan yang

berhubung kait dengan teknologi maklumat.

Isu-isu seperti promosi, perkembangan dan implementasi bagi infrastruktur ICT juga akan menjadi perhatian dalam perbincangan.

Para delegasi juga akan membincangkan 14 tajuk lain yang dibahagikan kepada empat sesi, dipengerusikan oleh wakil dari negara-negara ahli antaranya Pengarah Eksekutif APT, Tuan Amarendra Nayayan dan Pengarah Biro Standardisasi Telekomunikasi (TSB), Dr. Zhao Houslin.



PARA delegasi dari dalam dan luar negeri ketika menghadiri Mesyuarat Ke-2 Inisiatif Asia-Pasifik Bagi Masyarakat Berinformasi (AIIS) yang diadakan di Empire Hotel and Country Club. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA

Ketua Pegawai Eksekutif RBA yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Ogos. - Lembaga Pengarah Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) Sendirian Berhad mengumumkan bahawa mereka telah melantik

Awang Peter William Foster selaku Ketua Pegawai Eksekutif RBA yang baru mulai 1 September 2002.

Penyerahan tugas antara Pengarah Eksekutif RBA sekarang, Pengiran

Ali bin Pengiran Haji Ahmad dengan Awang Peter William Foster berlangsung di Kelab Rekreasi Diraja Brunei (RBRC) pada 24 Julai lepas yang juga dihadiri

Oleh Abd. Karim HAB

oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah dan para pegawai kanan syarikat itu. Pengiran Ali mulai bersara pada 31 Julai 2002.

Sehubungan itu, Lembaga Pengarah RBA sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif mulai 1 Ogos hingga 31 Ogos 2002.

Jabatan Perhubungan Awam RBA dalam siaran akhbar hari ini seterusnya menjelaskan bahawa dengan perubahan itu, jawatan Pengarah Eksekutif akan berubah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif mulai 1 Ogos 2002.

Ketua Pegawai Eksekutif yang baru, seorang warga British adalah lulusan Universiti Cambridge

dan INSEAD, Perancis. Beliau berpengalaman luas di bidang penerbangan di Eropah dan Asia. Dari September 1982 hingga Januari 1999, beliau pernah berkhidmat di Cathay Pacific Airways Limited (CPA). Beliau kemudian menubuhkan Regent Star Services Limited, sebuah syarikat pengurusan penerbangan yang dilantik bagi memberi perkhidmatan nasihat pengurusan kepada Philippine Airlines Inc. (PAL).

Semasa bertugas sebagai Ketua Penasihat syarikat itu, beliau dan pasukan yang beliau ketuai berjaya menyusun semula PAL sebagai sebuah syarikat yang menguntungkan. Beliau juga bertugas di Timur Tengah dan Eropah sebelum kembali ke Asia untuk berkhidmat dalam RBA.



PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif RBA, Dato Paduka Haji Ahmad bin Haji Ibrahim; Pengarah Eksekutif RBA, Pengiran Ali bin Pengiran Haji Ahmad dan bakal Ketua Pegawai Eksekutif RBA, Awang Peter William Foster bersalaman di majlis penyerahan tugas. - Gambar ihsan Jabatan Perhubungan Awam, RBA.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam meraikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Sirajuddin dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah di Majlis Persantapan Diraja.

Majlis Persantapan Diraja di Istana Nurul Iman



BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Ogos.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Diraja bagi meraikan keberangkatan lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-XII, Tuanku Syed Sirajuddin dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah, di Istana Nurul Iman.

Liputan Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh
Pengiran Haji Bahar PHO
dan Haji Masmaleh HMA

Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri.

Sejurus selepas itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri bersama-sama Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong kemudiannya berangkat ke Balai Penghadapan dan seterusnya merakamkan gambar kenangan da-

Lihat muka 13

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia berbual mesra sebelum Majlis Persantapan Diraja berlangsung (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan berbual mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong di Balai Penghadapan sebelum Majlis Persantapan Diraja (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, anakanda dan adinda Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain ketika berangkat di Majlis Persantapan Diraja.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar kenangan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong (gambar atas dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Sirajuddin berkenan mengurniakan titah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berkenan berangkat ke Dewan Persantapan Diraja sambil berbual mesra.



BERANGKAT sama di Balai Penghadapan Istana Nurul Iman ialah puteri-puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja Malaysia (atas). Sementara gambar kanan, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia berkenan menerima junjung ziarah putera-putera Kebawah Duli Yang Maha Mulia sejurus tiba di Istana Nurul Iman.



Dari muka 12

lam sesi fotografi sebelum berangkat ke Dewan Persantapan Diraja.

Sebaik saja keberangkatan tiba di Dewan Persantapan Diraja, lagu kebangsaan kedua-dua buah negara kemudiannya dimainkan dan diikuti selepas itu bacaan doa selamat oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Di Majlis Persantapan Diraja itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah berkenan mengurniakan titah.

Berangkat sama di majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta Wakkilah Hayatul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah, Yang Teramat



BAGINDA ketika bertitah di Majlis Persantapan Diraja.

Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azmah Ni'matul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan lain-

lain ahli kerabat diraja.

Hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia sejak negara mencapai kemerdekaan penuh tahun 1984.

Sejak itu pelbagai bidang kerjasama terus terjalin antaranya kerjasama di bidang pengangkutan dan perhubungan di mana dalam Perjanjian Perkhidmatan Udara dan Me-

morandum Persefahaman Sulit yang telah ditandatangani pada tahun 1992 berjaya meningkatkan hubungan dalam perkhidmatan udara.

Sementara dalam kerjasama di bidang penyiaran dan penerangan kedua-dua buah negara telah menandatangani Memorandum Persefahaman pada 14 Februari 1992 yang mana berjaya menyediakan pelbagai peluang latihan, pertukaran lawatan dan penerbitan.

Manakala kerjasama di bidang pendidikan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman Dalam Bidang Pendidikan dan Latihan pada 14 Februari 1992 bagi menggalakkan dan meningkatkan kerjasama di bidang pendidikan.

Dalam konteks ini Universiti Brunei Darussalam telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Malaysia bagi mengadakan hubungan kerjasama dalam bidang penyelidikan, pertukaran pelajar, kakitangan serta perkembangannya.



BMR dan BPR bertekad banteras jenayah rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Ogos. - Persidangan tiga hari Mesyuarat Tahunan Kerjasama Dua Hala antara Biro Pencegah Rasuah (BMR) Negara Brunei Darussalam dan Biro Pencegah Rasuah (BPR) Malaysia baru-baru ini menghasilkan perbincangan yang amat positif ke arah pambanteras jenayah rasuah, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan peningkatan integrasi.

Pengarah BMR dan Ketua Pengarah BPR dalam kenyataan media bersama menyatakan bahawa perlakuan jenayah rasuah yang semakin kompleks, sistematik dan berangkai di peringkat global, ditambah dengan kecanggihan teknologi dan komunikasi terkini memerlukan usaha

Oleh
Abd. Karim HAB

bersepadu antara negara.

Sehubungan itu kerjasama dua hala yang termetrai antara kedua-dua agensi itu, menurut mereka, akan mempertingkatkan ruang kerjasama yang lebih berkesan bagi menangani jenayah rasuah dan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengannya.

Mesyuarat yang diadakan pada 22 hingga 24 Julai 2002 membincangkan 12 kertas kerja sebagai perkongsian pengalaman dan penentuan hala tuju kerjasama dua hala antara kedua-dua buah agensi yang meliputi aspek operasi, perundangan, pencegahan dan latihan.

Mesyuarat yang berlangsung The Empire Hotel and Country Club, Jerudong dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Perwakilan Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Pengarah BMR, Dayang Hajah Intan binti Haji Md. Kassim, manakala delegasi BPR diketuai oleh Ketua Pengarah BPR, Dato' Zulkipli bin Mat Noor.

Mesyuarat tahunan kerjasama dua hala itu adalah kali pertama diadakan. Mesyuarat akan datang akan diadakan di Malaysia pada tahun 2003.

Dana PMM terus menerima sumbangan

Oleh
Ak. Jefferi PD

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Ogos. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim sangat menghargai sokongan dan sumbangan para dermawan dalam sama membantu mempertingkatkan kesejahteraan hidup anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana tersebut telah menerima sejumlah B\$92,915.67. Malis Penyampaian Derma diadakan di kompleks Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiah di sini.

Sumbangan 20 peratus yang berjumlah B\$11,509.02 diterima daripada Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya hasil kutipan walkaton bertaja yang telah diadakan pada 2 Jun lepas.

Sumbangan disampaikan oleh Pegawai Petadbir Kanan Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohamed bin Haji Abd. Rahman, selaku Pengerusi Aktiviti Agama, Kebajikan dan Sukan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menerima sumbangan dari Jabatan Perdana Menteri yang disampaikan oleh Pegawai Petadbir Kanan JPM, Awang Haji Mohamed. Sumbangan berjumlah B\$11,509.02, itu hasil kutipan walkaton bertaja. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

jabatan di bawahnya.

Sementara itu, Bank Islam Brunei Berhad (IBB) juga telah menyerahkan derma berjumlah B\$50,000.00 merupakan sumbangan tahunan bank tersebut kepada dana yang disampaikan oleh Pengarah Urusannya, Awang Haji Mohd. Roslan bin Haji Mohd. Daud.

Manakala Pengerusi Lembaga Pentadbir Sekolah St. James Kuala Belait, Awang Paul Chia telah menyampaikan derma 50 peratus yang berjumlah B\$15,119.20 hasil daripada kutipan jogaton bertaja anjuran sekolah berkenaan.

Sekolah Nusa Laila Puteri pula menderma sebahagian daripada hasil kutipan acara 'Larian Sumbangsih' sekolah ter-

sebut yang telah diadakan pada 16 Jun lepas berjumlah B\$10,248.00. Sumbangan itu disampaikan oleh Presiden dan Pengarah Urusan sekolah berkenaan, Pengiran Dr. Amir Yusoff bin Pengiran Abbas Al-Haj.

Sekolah Sunshine pula telah menderma sebahagian daripada hasil kutipan acara walkaton yang telah diadakan di sekolah tersebut berjumlah B\$4,039.45 yang disampaikan oleh Pengetua sekolah itu, Dayang Nazian-cina G. Ward.

Derma seterusnya diterima daripada Syarikat Seri Makmur, berjumlah B\$2,000.00 yang disampaikan oleh Pengurus Syarikat itu, Awang Yu Hee Soon.

Kerjasama ASEAN - Kanada terus menggalakkan

BERAKAS, 1 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menyifatkan dialog ASEAN-Kanada mempunyai potensi yang amat luas khasnya dalam ASEAN bergerak ke arah integrasi ekonomi besar bagi kawasan perdagangan dan pelaburan bebas.

Oleh itu kerjasama sedemikian berfungsi dan mempunyai kepentingan yang sangat besar dari segi menjayakan dan melengkapi usaha ini terutama dalam kawasan sekarang yang dikenali 'membina kapasiti' di mana keadaan ekonomi semasa menghendaki satu tenaga kerja yang berpengalaman dan berkemahiran serta institusi yang efisien.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian dalam Sesi Dialog ASEAN-Kanada di Persidangan Selepas Mesyuarat Menteri-menteri (PMC) di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Seperti yang pernah disabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia tahun lalu, dialog ini merupakan forum kerjasama yang sangat berjaya di mana kita telah mengendalikannya sejak 25 tahun yang lalu, dan Duli Yang Teramat Mulia berpuas hati ASEAN dan Kanada terus bertekad bagi memastikan kemajuan yang baik.

Duli Yang Teramat Mulia juga melahirkan rasa gembira yang kemboja dan Kanada menjadi negara kordinator di atas usaha yang tinggi mereka bagi memastikan momentum dialog ASEAN-Kanada berjalan lancar.

"Melihat skop yang lebih meluas pada kerjasama ini, beberapa perkara genting telah timbul, serangan 11 September lalu di Amerika Syarikat telah menyaksikan peningkatan kebimbangan atas keselamatan dan boleh menjejaskan

Oleh
Abdullah Asgar



ekonomi global, kita lebih memerlukan kerjasama antarabangsa yang lebih rapat serta menggabungkan usaha bagi membasmi rangkaian keganasan," jelas Duli Yang Teramat Mulia.

Dalam hal ini, sabda DYT, ASEAN masih perlu mengukuhkan tindakannya dan menggalakan kerjasama dengan rakan dialognya.

Selain itu, sabda DYT lagi, sekarang semua prospek untuk kerjasama masa depan lebih mencabar dan berharap dapat meneruskan penyelesaian dengan jayanya.

Mesyuarat rasmi ASEAN dengan Kanada telah diadakan pada tahun 1977 yang mana sejak itu kedua-dua pihak telah mencapai beberapa perjanjian, antaranya pada tahun 1981 Perjanjian Kerjasama Ekonomi ASEAN - Kanada (ACECA) ditandatangani dan dikuatkuasakan pada Jun 1982.

Tetapi 11 tahun kemudian perjanjian itu dikaji semula dengan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika bersabda.

menambah bidang-bidang baru seperti sains dan teknologi, rangkaian dasar persekitaran, pembinaan institusi, program pembangunan pengurusan dan organisasi, usaha bagi merangsang kegiatan-kegiatan sektor swasta, perkembangan pasaran dan kerjasama perniagaan dua hala.

Sejak perdagangan ASEAN-Kanada tumbuh berterusan import Kanada ke ASEAN telah meningkat dari AS\$1.56 bilion pada 1993 kepada AS\$2.33 bilion tiga tahun kemudian.

Sementara eksport Kanada ke ASEAN menurun pada tahun 1993 AS\$1.96 bilion dan jatuh AS\$1.9 bilion pada 1996 oleh itu untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan kedua-dua belah pihak Mesyuarat Komiti Kerjasama Bersama (JCC) ASEAN-Kanada Ke-11 1997 telah dicadangkan dan kajian semula akan berjalan selama 20 tahun di antara kedua-dua pihak.

Negara maju perlu tingkatan perdagangan dengan negara miskin

Oleh
Ak. Jefferi PD

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Ogos. - Menteri Hal Ehwal Luar India menyeru negara-negara maju agar dapat mempertingkatkan lagi perdagangan dengan negara-negara miskin untuk menghindarkan negara-negara berkenaan daripada terlalu bergantung sepenuhnya kepada bantuan.

Menteri Hal Ehwal Luar India, Tuan Yang Terutama Yashwant Sinha berkata, jika negara-negara maju dapat mem-

lebih penting daripada mengharapkan bantuan," jelas Menteri Hal Ehwal Luar India ketika menghadiri mesyuarat Menteri-menteri ASEAN serta Forum Serantau ASEAN (ARF) di negara ini.

Menteri Hal Ehwal Luar India, Tuan Yang Terutama Sinha juga menekankan agar negara-negara kaya seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Kesatuan Eropah untuk menyemak kembali dasar-dasar imigrasi mereka

yang menjelaskan kemahiran pekerja di negara-negara membangun.

"Seharusnya terdapat kesaksamaan serta keadilan jika dasar-dasar imigrasi dititikberatkan," jelas beliau.

Tuan Yang Terutama juga berkata India begitu mengambil berat mengenai UN Summit yang akan berlangsung di Johannesburg bertujuan untuk menyelamatkan alam sekitar yang kian binasa.

"Perdagangan adalah

Peminat disaran membeli tiket



ASEAN Youth Football Championship
Brunei Darussalam 2002

JAWATANKUASA Kejo-
hanan Bola Sepak Belia
ASEAN Bawah 21 Tahun
Trophy Hassanal Bolkiah
mengalukan peminat
akan menyaksikan kejo-
hanan tersebut supaya
membeli tiket berharga
setiap kali perlawanan
dilangsungkan.

Tiket-tiket yang berha-
ga lima ringgit setiap satu
perlawanan itu kini sudah
diedarkan untuk dijual di
beberapa tempat dan pada
hari perlawanan itu juga
orang ramai boleh menda-
patkannya di Stadium Ne-
gara Hassanal Bolkiah dan
di Balapan dan Padang.

Setiasua Jawatan-
kuasa Kejoahan, Dayang
Adina Othman ketika men-
jelaskan perkara itu semasa
sidang akhbar menyatakan
setiap tiket yang dibeli itu
akan diundi untuk menda-
patkan hadiah bertuah pada
perlawanan itu dan juga
undian keseluruhan pada
perlawanan akhir yang
menghadiahkan kereta
Nissan Sunny.

Melalui undian dari
tiket yang dibeli itu kata-
nya, orang ramai berpe-
luang mendapatkan hadiah,
di samping menyaksikan

perlawanan-perlawanan
yang menarik dari pemain-
pemain muda rantau
ASEAN.

Menyentuh mengenai
persiapan skuad negara
dalam menghadapi kejo-
hanan ini, Naib Presiden
BAFA, Pengiran Haji Ali
Hassan menyatakan ba-
hawa kebanyakan para
pemain mempunyai peng-
alaman luas dan telah
banyak mewakili negara di
kejoahan serantau dan
antarabangsa.

Dari pengalaman dan
latihan yang dijalankan
sejak awal tahun ini,
katanya, skuad negara akan
dapat mempamerkan per-
mainan yang mantap dan
bersemangat untuk
mencapai kejayaan.

"Para pemain rata-rata
sudah mempunyai peng-
alaman dan mereka antara-
nya pernah mewakili ne-
gara di Sukan SEA, Sukan
Arafura, Sukan SUKMA,
saringan Piala Dunia serta
Liga Perdana. Jadi kita
tidak ada masalah di segi
pengalaman dan pendeda-
han kerana kesemua mere-
ka ini sudah cukup berse-
dia," jelasnya.

Sebagai melengkapkan

Oleh Hj. Ahat HI

lagi persiapan tambanya,
skuad bawah 21 tahun
negara telah mengadakan
ujian perlawanan di Kuala
Lumpur dan selepas itu
menyertai kejoahan jem-
putan di Wilayah Per-
sekutuan Labuan.

"Pada perlawanan uji-
an di Kuala Lumpur skuad
negara bermain cukup
baik dan selepas itu pada
perlawanan jemputan di
Labuan berjaya menjadi
naib juara kejoahan
selepas tewas tipis 2-1
kepada Korea dalam per-
lawanan akhir," katanya.

Dengan pencapaian itu
serta persiapan yang rapi
katanya, kita berkeyakinan
para pemain akan dapat
menpamerkan permainan
yang cemerlang dan selan-
jutnya berjaya hingga ke
peringkat akhir.



Pembukaan Rasmi Trophy Hassanal Bolkiah 16 Ogos 2002

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Majlis
Pembukaan Rasmi Kejoahan Bola Sepak Belia
ASEAN Bawah 21 Tahun Trophy Hassanal Bolkiah
2002 akan diadakan pada hari Jumaat, 16 Ogos
jam 7.30 malam bertempat di Stadium Negara
Hassanal Bolkiah, Berakas.

Dengan ini sukacita orang ramai termasuk
penuntut-penuntut dan murid-murid sekolah dijem-
put hadir, masuk adalah percuma untuk menyak-
sikan upacara pembukaan rasmi dan seterusnya
menyaksikan perlawanan antara Pasukan Negara
Brunei Darussalam dengan Kemboja.

Sementara itu bagi awda yang telah membeli
tiket untuk menyaksikan Upacara Pembukaan
Rasmi dan perlawanan Negara Brunei Darussalam
dan Kemboja akan berpeluang menyertai cabutan
tiket bertuah untuk memenangi hadiah-hadiah
istimewa dari penaja kejoahan.

TEMPAT PENJUALAN TIKET

Abdul Razak Holdings	Lobi Centrepoint Abdul Razak Complex, Gadong BE3519
Gadong Properties Centre Food Junction	Unit G-1, Ground Floor, Gadong Properties, Km 3.5, Jalan Gadong BE 4119
Ideal Food Industries Sdn. Bhd.	All Ideal Cafe & Gift Counter
Chyuan Fa Minimart	Lot 25826, Spg 626, Kg. Madewa Km. 6 Jalan Tutong BF 1120
Tumasek Petrol Service Station	Km 2.8, Jalan Tutong
Boustead Sdn. Bhd.	Showroom at Lot 24 & 29, Beribi Light Industries Complex II, Jalan Gadong BE 4118
	No. 71, Junction of Jalan Sungai & Jalan Mc Kerron Kuala Belait
DST Group	All DST's counters
Sunlit Advertising Sdn Bhd.	Lot 42, Beribi Light Industrial Estate, Gadong BE 4118
	Coco's Chocolate Paradise Company, No. 15, Block B, Kompleks Delima Jaya, Simpang 62, Kampung Delima Satu, Mukim Berakas A, Jalan Muara BB4113
Gadong Filing Station	No. 43, Km 3.5, Jalan Gadong BE4119
Lee Ta Trading Co.	163, Kg. Sengkarai, Tutong
Brunei Shell Marketing Company Sdn. Bhd.	36/37, Jalan Sultan Bandar Seri Begawan, BS8811
Hua Ho Department Store	All branches of Hua Ho Department Store
Chop Jin Chew	No. 5, Simpang 10, Jalan Gadong BE4119
Riverview Hotel	Km 1, Jalan Gadong BE4119
First Emporium & Supermarket	All branches of First Emporium & Supermarket
Brunei Shell Petroleum Co. Sdn. Bhd.	BSP Head Office, Seria
Brunei Automobile Traders Association	QAF Auto Sdn. Bhd. QAF Centre, Lot 66, Tapak Perindustrian, Jalan Gadong BE4118

Rumah BAKAT kompleks sukan Kem. Pertahanan

Oleh Abdullah Asgar

PEGAWAI dan kakitangan Kementerian Pertahanan kini mempunyai tempat bersukan
dan riadah tersendiri terletak berhampiran Perkhemahan Berakas yang dilengkapi de-
ngan beberapa kemudahan sukan.

Kompleks sukan yang dinamakan Rumah BAKAT itu dirasmikan oleh Setiausaha
Tetap (Kewangan dan Pembangunan) Kementerian Pertahanan, Yang Dimulikan Pehin
Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman, sempena kejo-
hanan sukan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan (Awam).

Dalam ucapan perasmian Yang Dimulikan antara lain menyeru supaya penggu-
na-pengguna Rumah BAKAT menggunakan kemudahan-kemudahan sukan yang
disediakan sebaik mungkin dan menjaga kebersihannya.

Katanya, selain kompleks itu digunakan untuk tujuan bersukan ia juga boleh di-
gunakan sebagai tempat beriadah dan majlis berbentuk keagamaan dan kebajikan.

Sebanyak 11 jenis sukan akan dipertandingkan di kejoahan tersebut bermula dengan
perlawanan tarik kalat yang kemudiannya diteruskan dengan tujuh perlawanan lagi.

Walaupun bagaimanapun, sukan boling, bulu tangkis, ping pong dan bola sepak tidak
akan diadakan di Rumah BAKAT.

Pertukaran dan kenaikan pangkat pegawai kanan kerajaan

BANDAR SERI BEGA-
WAN. - Jabatan Perkhid-
matan Awam mengumumkan
pertukaran beberapa orang
pegawai kanan kerajaan.

Awang Haji Omar bin
Haji Abdul Rahman,
Pengerusi Lembaga Ban-
daran Bandar Seri Bega-
wan di Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan
ditukar ke Kementerian
Hal Ehwal Ugama bagi
menjawab jawatan Peng-
arah Pentadbiran mulai 21
Jamadilawal 1423/1 Ogos
2002;

Awang Haji Saji bin
Haji Mudin, Ketua Pos
Agung di Jabatan Per-
khidmatan Pos ditukar ke

Jabatan Bandar Seri Bega-
wan bagi menjawab jawat-
an Pengerusi Lembaga
Bandaran Bandar Seri Be-
awan mulai 21 Jamadil-
awal 1423/1 Ogos 2002;

Pengiran Haji Mohd.
Yakub bin Pengiran Haji
Othman, Pegawai Pentad-
bir Kanan di Kementerian
Pendidikan ditukar ke
Jabatan Perkhidmatan Pos
bagi menjawab jawatan
Ketua Pos Agung mulai 21
Jamadilawal 1423/1 Ogos
2002;

Awang Haji Rashid bin
Haji Abdul Rahman,
Pengarah Saliran dan
Pembetungan di Jabatan
Kerja Raya ditukar menja-
di Pengarah Perkhidmatan

Teknikal di Jabatan Kerja
Raya mulai 21 Jamadil-
awal 1423/1 Ogos 2002;

Awang Bakar bin Haji
Apong, Penolong Peng-
arah Saliran dan Pem-
betungan di Jabatan Kerja
Raya dilantik sebagai
Pemangku Pengarah
Saliran dan Pembetungan
di Jabatan Kerja Raya
mulai 21 Jamadilawal
1423/1 Ogos 2002;

Awang Haji Abd.
Gapar bin Haji Abdullah,
Pegawai Tugas-Tugas
Khas di Kementerian
Pembangunan dinaikkan
pangkat sebagai Ketua
Unit Perancangan dan Pe-
nyelidikan Pembinaan di
Kementerian Pembangun-

an mulai 21 Jamadilawal
1423/1 Ogos 2002;

Awang Sharbini bin
Haji Metali, Pemangku
Penolong Pengarah Per-
khidmatan Air di Jabatan
Kerja Raya ditukar menja-
di Pemangku Penolong
Pengarah Saliran dan
Pembetungan di Jabatan
Kerja Raya mulai 21
Jamadilawal 1423/1 Ogos
2002;

Awang Haji Md. Husin
bin Metassan, Penolong
Pengarah Perkhidmatan
Bangunan di Jabatan Kerja
Raya ditukar jawatannya
menjadi Penolong Peng-
arah Perkhidmatan Air di
Jabatan Kerja Raya mulai
21 Jamadilawal 1423/1

Ogos 2002; dan

Awang Haji Tali-
puddin bin Dato Haji
Talib, Jurutera Kerja

Kanan di Jabatan Kerja
Raya dilantik sebagai
Pemangku Penolong
Pengarah Perkhidmatan

Bangunan di Jabatan
Kerja Raya mulai 21
Jamadilawal 1423/1 Ogos
2002.



AWANG Haji Omar bin Haji
Abdul Rahman.



AWANG Haji Saji bin Haji
Mudin.



PENGIRAN Haji Mohd.
Yakub bin Pengiran Haji
Othman.

Keamanan, kesejahteraan jadi idaman-titah

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sangat-sangat mengambil berat hal-ehwal keamanan dan kesejahteraan bukan saja untuk diri sendiri malahan juga untuk masyarakat global kerana keamanan, kesejahteraan dan keselamatan itu adalah merupakan hak semua orang serta menjadi idaman tanpa sempadan.

"Oleh itu untuk mencapai matlamat ini kita semua mestilah kembali kepada Al-Quran bagi mendapatkan bimbingannya yang berkesan tentang keamanan, kesejahteraan dan keselamatan di antara umat," titah baginda di Majlis Penutup Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan 1423 Hijrah yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Baginda menjelaskan, dunia hari ini, walaupun semakin maju hasil daripada perkembangan ilmu pengetahuan, namun ia tetap kecil berhadapan dengan keperluan yang asasi.

Keperluan asasi itu, tambah baginda, ialah nilai-nilai

yang baik yang boleh menghasilkan kebahagiaan dan kesejahteraan namun nilai-nilai itu semakin hakis disebabkan oleh sifat-sifat tamak yang sedang bermaharajalela ia hanya pantas menjadi slogan-slogan tetapi bukannya diamalkan misalnya mengenai keadilan dan perdamaian yang merupakan nilai-nilai tertinggi di dalam kehidupan telah menjadi pincang dan pudar di tangan manusia, akibatnya ramailah yang teraniaya dan kacau-bilau yang menguasai dunia.

Ini semua titah baginda, memerlukan ubat atau penawar supaya manusia itu tidak terus hanyut di dalam kebuasan.

"Ubat tersebut tidak didapati di dalam sebarang pil atau lain-lain ubat biasa tetapi ia ada di dalam Al-Quran.

"Al-Quran mengajarkan perdamaian, mengajarkan sikap terbaik-baik, mengajarkan perkenalan di antara bangsa-bangsa, mengajarkan supaya jangan tamak, jangan iri hati terhadap nikmat yang dikurniakan kepada orang lain dan jangan berlaku zalim atau aniaya terhadap sesiapa juga.

"Inilah ajaran Al-Quran yang perlu difahami oleh semua orang, ia mustahak tersebar ataupun disebarkan demi untuk keamanan dan kesejahteraan sejagat," titah

Oleh Aliddin HM

baginda.

Banyak juga menyentuh mengenai Majlis Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABBIM yang turut dianggotai oleh Negara Brunei Darussalam supaya memainkan peranannya yang bersesuaian, pendeknya segala usaha ke arah penyebaran ajaran Al-Quran perlu diaktifkan oleh agensi-agensi yang berkenaan sebagai sumbangan kepada diri sendiri, kepada dunia dan kepada kemanusiaan.

Baginda menjelaskan, kehebatan Al-Quran bukan saja dapat dikesan oleh orang Islam sendiri malahan juga turut diakui oleh ramai daripada kalangan bukan Islam, ini tidak syak lagi adalah satu dari mukjizat yang tidak dapat ditolak dan bahkan tidak sesiapa pun yang berupaya untuk menyangkalnya.

Baginda mengajak kita supaya menyinari kegelapan ini dengan Al-Quran supaya kita dapat melihat di mana taman yang indah dan di mana pula hutan belukar yang penuh dengan duri supaya kita tidak akan hampir kepadanya.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Sirajuddin dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah semasa berangkat di Majlis Persantapan Balas Diraja yang diadakan di Dewan Assarra pada 11 Ogos.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama Ketua Hakim Syarie, Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah sejurus selepas mengurniakan Watikah Perlantikan.

Berkenan kurniakan watikah perlantikan

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan untuk mengurniakan Watikah Perlantikan kepada:

Yang Dimuliakan Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal selaku Ketua Hakim Syarie;

Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim selaku Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah;

Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman selaku Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah;

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar selaku Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki selaku Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman hari ini.

Perlantikan-perlantikan ini berkuat kuasa mulai 26 Mac 2001 bagi menyesuaikan jawatan-jawatan Hakim Mahkamah-Mahkamah Syariah serta memperluaskan kuasa-kuasa Hakim Syarie berikutan pengubahan Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Pengg. 184) yang berkuat kuasa mulai 26 Mac 2001. Manakala lantikan Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah adalah bagi tempoh tiga tahun dari tarikh perlantikan yang sama.

Penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah yang terdiri dari Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Pengg. 184) ini menggantikan mahkamah-mahkamah terdahulu iaitu Mahkamah-Mahkamah Kadi Daerah, Mahkamah Kadi Besar dan Jawatankuasa Kehakiman. Beberapa peruntukan di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Pengg. 77) Pindaan 1984 telah dimansuhkan dan beberapa undang-undang telah digubal iaitu Perintah Darurat Undang-Undang Keluaran Islam 1999, Perintah Keterangan Mahkamah Syariah 2001, Aturan-Aturan Undang-Undang Keluarga Islam 2002 dan Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Peguam Syarie) 2002.

Dari muka 1

Di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menjadikan Negara Brunei Darussalam hari ini sebagai 'model' sebuah negara Melayu Islam Beraja yang mencapai kemajuan pesat dalam semua bidang.

"Hasil daripada keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam membawa kemajuan kepada negara dan rakyat telah membuktikan kepada dunia bahawa kejayaan tersebut dapat dicapai dalam waktu yang singkat," titah baginda.

Baginda juga melahirkan rasa gembira terhadap hubungan erat dan mesra antara kedua-dua negara yang telah wujud sekian lama dan terus dipupuk oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Baginda yakin hubungan akrab tersebut akan terus digiatkan dengan kerjasama yang lebih erat dan mendalam di dalam pelbagai bidang serta peringkat di mana kerjasama tersebut tentunya akan membawa faedah besar kepada rakyat kedua-dua negara.

Menyentuh mengenai dengan kejayaan pembangunan yang pesat dicapai oleh kedua-dua negara selepas mencapai kemerdekaan, titah baginda telah mewujudkan lapisan masyarakat yang berpendidikan tinggi serta mempunyai pandangan hidup serta pendedahan yang berbeza.

Dari muka 1

Dalam hubungan ini, titah baginda, pihak swasta kedua-dua negara turut memainkan peranan yang penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi serta dapat pula membantu meningkatkan hubungan dan kerjasama ekonomi di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Baginda juga melahirkan rasa bangga dan berpuas hati dengan perkembangan kerjasama yang rapat serta persefahaman di antara kedua-dua negara.

Menurut baginda, penubuhan Perwakilan Diplomatik Peringkat Konsulat Agung di Negeri Sarawak pada awal tahun 2002 dan juga di Negeri Sabah nanti, akan dapat memastikan per-

hubungan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia akan menjadi bertambah mudah dan lebih kerap diadakan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah Negara Brunei Darussalam dan Malaysia akan terus bekerjasama rapat untuk memperluas dan memperdalamkan lagi hubungan di antara kedua-dua negara.

Dalam hubungan ini, baginda sangat menghargai perundingan tahunan dua hala yang diadakan antara baginda dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Perundingan-perundingan tersebut, titah baginda lagi telah memberikan laluan bagi mengukuhkan lagi hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Selain itu, titah baginda, Bandar Seri Begawan dan Kuala Lumpur juga telah mengadakan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Kali Ketiga di ibu negara, Malaysia pada bulan Mac yang lalu.

Mesyuarat sedemikian, jelas baginda, sekali lagi menunjukkan komitmen kedua-dua negara untuk mengembangkan kerjasama dua hala di semua bidang bagi kepentingan bersama.

"Hubungan persahabatan yang erat di antara paduka

kakanda dan paduka adinda, insya-Allah akan dapat membantu meningkatkan lagi kerjasama dan persefahaman di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia," titah baginda.

Baginda bertitah hubungan kedua-dua negara bukan sahaja berasaskan pertalian bahasa, kebudayaan dan agama tetapi juga dengan wujudnya hubungan peribadi yang erat lagi mesra di antara kesemua peringkat kedua-dua buah negara.

"Negara Brunei Darussalam sangat menghargai perasaan saling hormat-menghormati dan persefahaman di antara kedua-dua buah negara kita. Ianya merupakan asas yang kukuh untuk mencipta hubungan yang lebih erat lagi," titah baginda.

KEJOHANAN BOLA SEPAK BELIA ASEAN BAWAH 21 TAHUN TROFI HASSANAL BOLKIAH 14 -27 OGOS 2002

دتریتکن اوله جباتن فترائن، جباتن فردان منتري دان دجيتي اوله جباتن فرجيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Pertandingan Membaca Al-Quran bukan mencari kemenangan

Memperkukuhkan iman dan takwa



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan sabda bagi merasmikan Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1423 Hijrah/2002 Masihi. Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Oleh Abdullah Asgar
Gambar-gambar oleh Ramle Tengah,
Pg. Rafee PDPHM dan Mohd. Zul-izzi HD

BERAKAS, 6 Ogos.- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersabda, sesungguhnya pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran dari peringkat awal hingga akhir bukanlah bermaksud hanya untuk mencari kemenangan semata-mata.

Bukanlah pula ia bertujuan untuk menunjukkan kehebatan bacaan seseorang itu sehingga mampu mengalahkan peserta-peserta yang lain, akan tetapi jauh lebih mustahak dari itu.

Pada hemat Duli Yang Teramat Mulia, ia memberikan peluang kepada kita semua untuk menghayati ajaran-ajaran yang terkandung dalam Al-Quran itu.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia, membaca Kitab Suci Al-Quran merupakan peluang bagi si pembaca untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pembacaan Al-Quran.

Ia juga bertujuan tidak lain untuk memperkukuhkan lagi iman dan takwa serta memimpin jiwa pembacanya ke arah jalan yang lurus lagi selamat.

"Ayat-ayat Al-Quran yang diperdengarkan itu adalah nikmat Allah Subhanahu Wataala kepada kita sekalian untuk dijadikan sebagai garis pandu serta menunjuk cara untuk menjalan kehidupan yang sempurna dan mendapat keredaan serta rahmat Allah di dunia dan di akhirat," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian di Majlis Perasmian Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1423 Hijrah/2002 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Sabda Duli Yang Ter-

amat Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan betapa pentingnya perkara itu semasa baginda bertitah sempena sambutan Nuzul Al-Quran peringkat kebangsaan pada penghujung tahun lalu.

Menurut sabda Duli Yang Teramat Mulia dalam titah baginda itu menekankan, "Tanpa Al-Quran jalan kebenaran tidak akan terbuka untuk dilalui, generasi Al-Quran ialah generasi impian kita, kita mesti berusaha ke arahnya, kita mesti memupuk harapan ini secara bersepadu dari ibu bapa, guru-guru dan sehinggalah pada pemimpin hendaklah menjadikan harapan ini sebagai sasaran atau matlamat utama masing-masing insya Allah dengan niat suci ini negara dan bangsa akan mendapat berkatnya."

"Sehubungan dengan

ini hendaknyalah setiap warga Islam di negara ini akan meningkatkan daya usaha pada melaksanakan ajaran-ajaran yang terkandung di dalam Kitab Suci Al-Quran demi untuk kebahagiaan kita di dunia dan di akhirat," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Terdahulu Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Pertandingan telah menyampaikan sembah alu-aluan.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama dan para ahli jawatankuasa tertinggi yang lain.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran

Muda 'Abdul Malik dan kerabat diraja yang lain.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid.

Peserta qari dan qariah yang layak ke peringkat akhir ialah Mudim Haji Metassim bin Haji Metus-

sin, Haji Mohd. Daud bin Haji Abdul Kadir, Haji Ismail bin Haji Sulaiman dan Mohammed Noor bin Haji Ibrahim.

Sementara peserta qariah ialah Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit, Hajah Aminah binti Haji Abdul Manaf, Hajah Maidah binti Haji Abdul Rahman dan Hajah Rokiah binti Haji Ibrahim.



DULI Yang Teramat Mulia dan adinda-adinda iaitu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah para Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pertandingan sejour tiba di majlis itu.



SUASANA Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1423 Hijrah yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas yang juga dihadiri oleh ribuan umat Islam dari pelbagai lapisan masyarakat di negara ini.

Sastera & Budaya

Peranan tradisi dan konvensi dalam penghasilan kesusasteraan Melayu tradisional

OLEH NOR YAT

SEBELUM penulis menghuraikan dan membincangkan mengenai peranan tradisi dan konvensi dalam penghasilan kesusasteraan Melayu tradisional, kita mesti mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan tradisi dan konvensi itu terlebih dahulu. Tradisi adalah unsur-unsur budaya yang kita warisi tetapi tidak tersusun. Ini bererti jika unsur-unsur budaya itu dipakai (digunakan), maka ia akan bertahan. Tetapi jika tidak dipakai, unsur-unsur budaya itu akan hilang. Tradisi merupakan sesuatu yang dibawa atau sesuatu yang kita warisi secara turun-temurun sama ada ianya berbentuk lisan, separuh lisan atau bukan lisan.

Manakala konvensi pula ialah kebiasaan, iaitu yang merupakan satu peraturan yang sentiasa dipegang (aturan-aturan yang sentiasa berulang) apabila seorang pengarang menulis atau mencipta sesuatu karya. Dengan kata lain, konvensi merupakan perulangan satu bentuk isi dalam tradisi suatu karya sastera. Ini bererti ada unsur-unsur yang telah menjadi basi, iaitu sentiasa berulang-ulang kerana sudah menjadi satu kebiasaan (konvensi). Oleh yang demikian, tradisi dan konvensi itu memang mempunyai peranan yang penting dalam penghasilan kesusasteraan Melayu tradisional. Jadi dalam penulisan ini, penulis akan menghuraikan beberapa peranan tradisi dan konvensi dalam penghasilan kesusasteraan Melayu tradisional dengan memberikan contoh-contoh yang bersesuaian. Aspek-aspek yang berkaitan dengan hal tersebut juga akan disentuh. Tetapi, sebelum itu akan diberikan sedikit gambaran mengenai latar belakang sastera Melayu tradisional dan apakah tradisi dan konvensi yang ada pada waktu itu.

Untuk melihat bagaimana tradisi dan konvensi itu berperanan dalam penghasilan kesusasteraan Melayu tradisional, kita perlu melihat bagaimana karya-karya dihasilkan di kalangan masyarakat Melayu tradisional. Dengan yang demikian, kita akan mengetahui di mana letaknya peranan tradisi dan konvensi itu. Untuk itu, kita perlu membahagikan budaya penghasilan sastera atau karya Melayu tradisional kepada dua bahagian, iaitu budaya lisan dan budaya separa tulisan. Budaya lisan merupakan budaya yang pertama digunakan oleh masyarakat Melayu untuk menyampaikan suatu cerita seperti cerita-cerita rakyat. Seperti yang kita ketahui, pada masa itu tidak ada cerita-cerita yang tertulis. Semua cerita disampaikan dalam bentuk lisan oleh tukang cerita. Oleh yang demikian, tahap kewibawaan, mutu dan ketinggian nilai sesuatu cerita itu adalah bergantung kepada resepsi atau penerimaan khalayak. Jadi, pencerita harus menyampaikan isi ceritanya sesuai dengan apa yang telah difahami oleh masyarakat itu sejak dahulu. Ini bererti untuk penerimaan khalayak, pencerita itu haruslah menyesuaikan apa yang disampaikan dengan tradisi supaya khalayak tidak merasa janggal. Tambahan lagi sastera lisan sebagai institusi sosial adalah bergantung pada tradisi kerana ia bukan merupakan proses kreatif individu yang bebas dan original tetapi bersifat kolektif. Sastera lisan merupakan penciptaan semula, iaitu apa yang disampaikan oleh pencerita disampaikan lagi oleh pencerita yang lain dengan menggunakan cara berlainan. Tetapi tradisi dan konvensi tetap dipertahankan untuk mengelak dari kejanggalan penerimaannya.

Sebagai contoh, dalam cerita penglipur lara terdapat bentuk isi yang dipertahankan atau berulang-ulang digunakan untuk menyatakan sesuatu keadaan dan sebagainya, iaitu sesuatu yang sudah menjadi tradisi dan konvensi bagi masyarakat Melayu. Struktur cerita penglipur lara terbahagi kepada tiga bahagian. Pertama, pengenalan yang biasanya berhubung dengan kelahiran putera atau puteri raja. Kedua, sebab-sebab pengembaraan dan kisah pengembaraannya. Ketiga, penyelesaian masalah yang diakhiri dengan 'happy ending'. Ini menunjukkan bahawa dalam cerita-cerita penglipur lara sudah ada unsur yang menjadi kebiasaan yang dianuti oleh tukang-tukang cerita. Namun, dalam ketiga-tiga bahagian ini ter-

dapat lagi tradisi dan konvensinya yang tersendiri. Misalnya, kelahiran putera atau puteri raja digambarkan dengan unsur-unsur keluarbiasaan untuk menunjukkan bahawa yang lahir itu bukan orang biasa. Watak utama biasanya digambarkan seputih-putihnya sehingga tidak ada cacat celanya. Sebaliknya watak-watak jahat digambarkan hitam-hitamnya. Juga terdapat peranan Ahli Nujum, iaitu tokoh peramal yang meramalkan baik dan buruk nasib seorang anak raja. Terdapat juga peranan Nenek Kebayan, iaitu tokoh wanita tua yang sederhana hidupnya dan berperanan suka membantu orang dalam kesusahan. Inilah di antara tradisi dan konvensi yang terdapat dalam cerita-cerita penglipur lara.

Selain itu, bentuk-bentuk bahasa berirama yang berupa gurindam juga banyak disisipkan dalam cerita penglipur lara. Selalunya bentuk puisi itu diulang-ulangkan dan dikenali sebagai RUNS. Perkara ini tidak dapat dinafikan kerana ia merupakan satu konvensi. Misalnya untuk menggambarkan kehadiran rakyat jelata di istana atau di majlis perkahwinan, RUNS ini selalu digunakan:

Yang chapek datang bertongkat,
Yang buta datang berpimpin,
Yang pekak leka bertanya,
Yang kecil terambin lintang,
Yang jarak tolak-tolakan,
Yang pendek tinjau-meninjau,
Yang kurap mengekor angin.

Selain itu, ada juga konvensi ketika ingin menggambarkan sifat ketertiban menyembah. RUNS yang selalu digunakan ialah:

Dari jauh menjunjung duli,
Sudah dekat langsung menyembah,
Terangkat kadam jari sa-puluh,
Kunchup bagai sulor bakong,
Jari seperti susunan sireh,
Berleher lembut berlidah faseh,
Menundukkan batu otak kepala.

Dari contoh di atas, jelas bahawa, RUNS yang digunakan untuk menggambarkan kehadiran rakyat jelata di istana atau majlis perkahwinan dan ketertiban menyembah itu merupakan satu konvensi yang digunakan oleh pencerita untuk menggambarkan keadaan-keadaan yang disebutkan tadi. RUNS seperti ini sudah menjadi satu kebiasaan, iaitu aturan-aturan yang sentiasa berulang-ulang dalam mana-mana cerita penglipur lara apabila pencerita ingin menggambarkan peristiwa-peristiwa tersebut. Misalnya dalam cerita Malim Deman, RUNS seperti tadi memang digunakan berulang-ulang untuk menggambarkan peristiwa kehadiran rakyat jelata di istana dan ketertiban menyembah. RUNS ini juga digunakan untuk hal yang sama dalam cerita-cerita penglipur lara yang lain.

Ada lagi konvensi yang lain bagi sastera rakyat

Melayu yang bersifat lisan, iaitu penggunaan kata-kata klise (rangkai-rangkai kata yang sudah basi). Ini adalah kerana sastera rakyat itu selalunya menggunakan bentuk berumus atau berpola. Misalnya cerita rakyat seperti cerita penglipur lara yang selalu menggunakan kata-kata klise 'seperti bulan empat belas hari' untuk menggambarkan kecantikan seorang gadis dan 'seperti ular berbelit-belit' untuk menggambarkan kemarahan seseorang. Perkara ini dapat dibuktikan lagi berdasarkan petikan di bawah:

Hatta, Tuanku Malim Deman terkejutlah daripada beradu lalu bangun memikirkan mimpi-nya itu, seraya ia menangis berchuchoran ayer matanya bagai manek di-urai oleh terkenangkan perkataan wali Allah yang berkhabarkan sifat Tuan Puteri Bungsu itu, sa-olah-olah-nya sudah terpadang kepada mata-nya chahaya muka Tuan Puteri itu seperti bulan penuh purnama empat belas hariulan, gilang-gemilang chahaya-nya.

Contoh di atas menunjukkan bahawa kata-kata klise 'seperti bulan empat belas hari' itu memang digunakan untuk menggambarkan kecantikan seorang gadis. Dalam cerita-cerita penglipur lara yang lain, kata-kata ini digunakan untuk menggambarkan kecantikan seorang gadis kerana ianya sudah menjadi satu konvensi. Jika konvensi ini tidak diikuti, sudah tentu khalayak pada masa itu akan merasa janggal. Misalnya, dikatakan bahawa gadis itu cantik 'seperti bulan dua puluh hari'. Sudah tentu perkara ini menjadi suatu yang tidak dapat diterima oleh khalayak kerana sudah melanggar tradisi dan konvensinya.

Formula-formula yang digunakan untuk memulakan suatu cerita atau menyudahkan suatu cerita juga merupakan satu konvensi. Formula merupakan satu bentuk skemata, menegaskan satu idea, imej atau citra dalam tradisi. Ini bererti ada kata-kata atau kalimat-kalimat pembuka dan penutup yang baku. Contoh bagi formula pembukaan ialah seperti 'Kata sahibel hikayat...', maka diceritakan oleh orang yang empunya cerita...sekali persetua'. Atau sebagai formula penutup seperti 'demikianlah yang dihayatkan oleh orang-orang tua'. Ini memang sudah menjadi suatu konvensi penciptaan cerita atau puisi di mana baris-baris awal merujuk kepada zaman awal penggubah pertama yang merupakan sumber suatu kebaruan. Misalnya, kata '...orang-orang tua...' digunakan pada permulaan cerita kerana pada zaman itu masyarakat Melayu amat mempercayai apa yang dikatakan oleh orang-orang tua. Mereka menganggap apa yang dikatakan oleh orang-orang tua itu adalah betul.

Jadi, sudah menjadi satu tradisi dan konvensi bagi tukang cerita untuk memulakan ceritanya berdasarkan bahawa cerita itu datangnya dari orang-orang tua sebelumnya supaya khalayak akan menerima dan mendengar cerita yang disampaikan. Ini juga menunjukkan bahawa pencerita itu bersifat merendahkan diri. Contoh bagi tukang cerita merendahkan diri ialah pencerita menyatakan bahawa cerita itu hanya menghiburkan dirinya sahaja. Perendahan diri juga merupakan

salah satu tradisi dan konvensi, terutama bagi pencerita penglipur lara.


Tradisi dan konvensi lebih jelas dilihat, apabila kita meninjau sastera rakyat yang bukan berbentuk cerita, iaitu puisi rakyat (seperti pantun, teka-teki dan sempamannya), peribahasa, seloka, gurindam dan sebagainya. Sebagai contoh, pantun yang mempunyai strukturnya yang tertentu seperti ada pembayang dan ada maksud. Walaupun pantun telah dipertuturkan dari satu generasi kepada satu generasi yang lain, namun struktur ungkapan-ungkapan itu tidak banyak berubah. Ini adalah kerana ianya sudah menjadi suatu konvensi. Oleh kerana itu, ianya bertahan lama sehingga sekarang.

Setelah disentuh serba sedikit mengenai latar belakang kesusasteraan Melayu yang berkaitan dengan budaya lisan, sekarang akan disentuh pula mengenai budaya separa tulisan. Penulis akan cuba memperlihatkan bagaimana tradisi dan konvensi yang diamalkan dalam budaya lisan dipertuturkan dan tetap diamalkan oleh pengarang-pengarang dalam penghasilan karya-karya budaya separa tulisan. Seperti yang kita ketahui, tulisan awal (tulisan jawi) itu diperkenalkan apabila datangnya agama Islam. Tetapi ini tidak bermakna sebelum itu belum ada tulisan. Sebelum kedatangan Islam, ada tulisan berdasarkan kepada huruf-huruf pallava. Apabila datang agama Islam, tulisan jawi diperkenalkan dan menyebabkan timbulnya budaya separa tulisan. Pada peringkat permulaan, budaya tulisan tidak mengganggu atau menjejaskan kewibawaan tradisi. Oleh kerana tulisan datang bersamasama dengan Islam, zaman itu disebut zaman literasi Islam. Pada waktu itu, semua karya yang bertulis wujud dalam bentuk manuskrip. Pada waktu itu, tulisan terhad pada manuskrip-manuskrip sastera Melayu. Penggunaan tulisan amat terhad kerana orang-orang yang tahu menulis itu bilangannya amat kecil dan menyebabkan penyebaran terhad. Orang-orang yang tahu menulis itu hanya kelompok-kelompok tertentu yang mungkin hanya tertumpu di istana atau golongan-golongan bangsawan yang mampu mempelajari tulisan tersebut. Dengan yang demikian manuskrip-manuskrip terpaksa dibawa ke tempat lain untuk disalin.

Tidak dapat dinafikan bahawa penulis atau pengarang istana pada waktu itu tidak dapat lari dari unsur-unsur tradisi dan konvensi yang dibawa dalam budaya lisan. Ini adalah kerana seorang pengarang istana itu sama juga seperti seorang penutur lisan dan ahli masyarakat tradisional yang lain, iaitu dibatasi oleh norma-norma dan etika masyarakatnya. Walaupun pengaruh Islam agak meluas tetapi seorang pengarang klasik masih berkarya di bawah tekanan dan bendungan kolektif. Memang seorang pengarang istana itu berbeza dengan seorang pelipur lara kerana persekitaran mereka yang berbeza. Di antaranya, pengarang istana lebih terdedah kepada pengaruh luar dan bentuk-bentuk pandangan alam yang memperkayakan tema dan motifnya. Selain itu, pengarang istana juga menyediakan model-model kesusasteraan yang dapat dipilih dan disadurnya.

SUDAH menjadi satu tradisi dan konvensi bagi tukang cerita untuk memulakan ceritanya berdasarkan bahawa cerita itu datangnya dari orang-orang tua sebelumnya supaya khalayak akan menerima dan mendengar cerita yang disampaikan. Ini juga menunjukkan bahawa pencerita itu bersifat merendahkan diri. Contoh bagi tukang cerita merendahkan diri ialah pencerita menyatakan bahawa cerita itu hanya menghiburkan dirinya sahaja. Perendahan diri juga merupakan salah satu tradisi dan konvensi, terutama bagi pencerita penglipur lara.

Bagi mengelakkan perceraian berlaku Patuhi garis pandu yang disarankan Islam



menggugurkan talak dengan segera atau suami mengikut cara-cara yang telah diaturkan oleh syarak pada membetulkan perkara yang buruk itu sebelum menjatuhkan talak?

Demikian juga jika sekiranya kita dapati suami telah melakukan sesuatu keburukan dalam melayan isteri, adakah boleh isteri pada pandangan syarak meminta berpisah dan khuluk dengan segera atau ia berjalan mengikut jalan yang telah disusun oleh syarak sebelum isteri minta berpisah dan tebus talak daripada suaminya?

Tugas seorang suami selaku ketua rumah terhadap isteri ialah memberikan nafkah makan, minum dan pakaian, menjaga hak masing-masing serta memimpin ke jalan yang direndai Allah, menyuruh mereka menunaikan segala yang wajib dengan men-

jalankan segala perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya.

Lantaran itu para suami hendaklah berlaku adil dan baik terhadap isterinya, berlemah lembut, berbelas-

kasihan, tidak mencuaicuaikan, tidak menzalimi, tidak menganiaya, tidak mensia-siakan urusan mereka. Bersabar terhadap kekasarannya bersabar dengan tingkah lakunya, serta bersedia memaafkan

segala kecuaiannya dalam hak dan tugas yang wajib atasnya. Suami patut memaafkan isterinya atas sesetengah kesalahan, jangan terlalu menuntut daripada isteri supaya memenuhi hak-haknya tanpa timbang rasa sehingga isteri berdosa, kerana kaum wanita itu serba-serbi dalam kekurangan sama ada akal atau agama.

Demikian juga tugas isteri terhadap suaminya adalah besar, menunaikan hak itu dengan baik akan mendapatkan pahala yang besar untuk para isteri, manakala mengabaikan dan melalaikan hak akan menerima dosa yang besar juga.

Setiap isteri wajib menaati suaminya, tiada membantahnya, tiada membentarkan orang lain datang ke rumahnya, tidak boleh keluar dari rumah melainkan dengan izin dan redanya. Setiap isteri bersungguh-sungguh memenuhi segala tanggungjawab terhadap suami dengan sempurna.

Sebenarnya agama Islam telah mengambil berbagai-bagai persediaan bagi menegah berlakunya talak, melainkan pada keadaan yang sangat darurat. Agama Islam menganggap pada menggunakan talak itu bagi keadaan sangat genting kerana talak

atau cerai adalah suatu perkara yang tiada disukai oleh syarak atau satu perkara halal yang paling dibenci Allah Taala.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Perkara yang halal yang paling dibenci Allah ialah talak (perceraian)."

Dari hadis itu jelas bahawa Islam tidak menggalakkan perceraian, akan tetapi sebolehnya mencari jalan bagaimana untuk menyelamatkan rumah tangga itu supaya kehidupan rukun damai dan harmoni akan dapat dinikmati sepanjang waktu. Perceraian suami isteri itu bukanlah satu jalan dan cara penyelesaian sesuatu masalah akan tetapi merugikan kedua-dua belah pihak.

Suatu perceraian ini boleh mendatangkan kesan yang buruk bukan sekadar memisahkan pasangan suami isteri, malah menceraikan kasih sayang anak-anak atau keluarga. Apabila perceraian berlaku anak-anak tidak dapat diurus dengan baik, tidak dapat dididik dengan lebih sempurna, mungkin turut tertekan.

Pasangan yang telah mengambil keputusan untuk bercerai mungkin akan menghadapi lebih

banyak masalah daripada ketenangan, malah akan menimbulkan kekecewaan, tekanan perasaan atau jiwa sehingga dibawa-bawa kepada aktiviti hariannya, boleh mengganggu produktiviti kerjanya dan sebagainya.

Maka pasangan yang menghadapi krisis atau keretakan dalam rumah tangga hendaklah berusaha sedaya upaya memulihkan hubungan suami isteri dengan cara apa jua pun sebagaimana yang diajarkan dalam Islam, sebelum membuat keputusan untuk bercerai.

Apabila garis pandu berumah tangga yang disarankan oleh agama itu diguna dan diamalkan, insya-Allah perkahwinan itu akan kekal bahagia.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nahl ayat 72 yang tafsirannya:

"Dan Allah menjadikan dari kamu sendiri pasangan-pasangan isteri dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu anak-anak dan cucu-cicit serta dikurniakan kepada kamu dari benda-benda yang baik lagi halal, maka patutlah mereka yang ingkar itu percaya kepada perkara-perkara yang salah (penyembah berhala) dan mereka kafir akan nikmat Allah?"

وقت سبهيغ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت سبهيغ، امساك، شوروق دان ضحي باكي دانره بروني دان مولاي دري هاري رايو، 5 جمادى الاخير، 1423 برسمان 14 لوگوس، 2002 هيگك كهاري ثلاث، 11 جمادى الاخير، 1423 برسمان 20 لوگوس، 2002 اداله مغرت دباوه اين -

هجري	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحي	مسيحي
جمادى الاخير									لوگوس
5	12.26	3.43	6.34	7.46	4.47	4.57	6.16	6.40	14
6	12.26	3.42	6.34	7.45	4.47	4.57	6.16	6.40	15
7	12.26	3.42	6.33	7.45	4.47	4.57	6.16	6.40	16
8	12.26	3.41	6.33	7.44	4.47	4.57	6.16	6.39	17
9	12.26	3.40	6.33	7.44	4.47	4.57	6.16	6.39	18
10	12.25	3.40	6.32	7.43	4.47	4.57	6.15	6.39	19
11	12.25	3.39	6.32	7.43	4.47	4.57	6.15	6.39	20

وقت سبهيغ باكي دانره توتوغ ديمه ساتو مينيت دان دانره بلايت ديمه تيگ مينيت، سبهيغ فرض جمعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تفهاري.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihie Wasahbihi Waman Walaah.

DUDUK antara dua sujud merupakan salah satu rukun fi'li (perbuatan) yang pendek. Menurut jumhur ulama duduk antara dua sujud adalah wajib dan tidak sah sembahyang jika ditinggalkan dengan sengaja. (Al-Majmuk: 3/367).

Menurut asshab Mazhab Syafi'e dan jumhur ulama wajib thuma'ninah ketika ruku', sujud, r'idal (bangkit dari-

pada ruku') dan duduk antara dua sujud, berdasarkan hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: 'Apabila engkau berdiri untuk menunaikan sembahyang hendaklah bertakbir, kemudian bacalah yang mudah olehmu daripada ayat Al-Quran. Kemudian ruku' dengan thuma'ninah, kemudian bangkit sehingga berdiri tegak (r'idal), kemudian sujud dengan thuma'ninah, kemudian bangkitlah daripadanya dengan thuma'ninah, dan lakukanlah yang sedemikian itu dalam setiap sembahyangmu.'" (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Maka ruangan Irsyad hukum pada keluarannya kali ini akan menjelaskan kaifiyat atau cara duduk antara dua sujud.

Imam An-Nawawi (Al-Majmuk: 3/397-403) menjelaskan kaifiyat atau cara duduk antara dua sujud itu ada tiga cara:

1. Punggung didudukkan di atas tapak kaki kiri, sementara itu didirikan tapak kaki kanan dengan melipatkan anak-anak jari kaki kanan menghalai ke kiblat. Inilah kaifiyat duduk antara dua sujud yang dilakukan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana yang diceritakan oleh Abu Humaid As-Sa'id yang bermaksud: "Telah berkata Abu Humaid As-Sa'id: 'Aku adalah orang yang paling hafal (mengetahui) akan shalatnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Aku melihat ketika Baginda bertakbir, Baginda mengangkat tangan Baginda sejajar dengan dua bahunya. Apabila ruku', Baginda letakkan kedua tangannya pada kedua lutut. Kemudian Baginda membungkukkan punggung. Apabila Baginda mengangkat kepala (dari ruku')

Bilangan 140

Baginda tegak sehingga setiap tulang belakangnya kembali ke tempatnya. Apabila sujud Baginda letakkan kedua tangan Baginda dengan tidak mencengkam dan tidak pula menggenggam, dan Baginda hadapkan hujung jari-jari Baginda ke arah kiblat. Apabila Baginda duduk pada raka'at kedua, Baginda duduk di atas kaki kiri dan menegakkan kaki kanan. Apabila Baginda duduk pada raka'at akhir maka Baginda julurkan kaki kiri dan ditegakkannya kaki kanan dan Baginda duduk di atas tempat duduk Baginda (tikarnya)." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

2. Cara yang kedua yang juga diamalkan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ialah duduk i'q'a' iaitu dengan punggung didudukkan di atas kedua-dua tapak kaki dan tumit, sebagaimana yang disebutkan dalam riwayat Ibnu Umar Radiallahuanhum yang bermaksud: "Abu Zubair mendengar daripada Thawus mengatakan: 'Kami bertanya kepada Ibnu Abbas mengenai duduk (dengan cara i'q'a') di atas dua kaki. Ibnu Abbas menjawab: 'Itu adalah sunat'. Lalu kami berkata kepadanya: 'Kami melihat (cara duduk sedemikian) menyusahkan orang tersebut.' Ibnu Abbas menjawab: 'Itulah Sunnah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.'" (Hadis riwayat Muslim).

3. Cara ketiga menurut riwayat daripada Ibnu Umar dan Ibnu Abbas Radiallahuanhum ialah dengan duduk di atas dua tumit dan jari kaki, adalah juga termasuk duduk antara dua sujud. (Al-Majmuk: 3/399) Perkara ini disebutkan dalam satu riwayat daripada Az-Zubair yang maksudnya: "Sesungguhnya dia (Az-Zubair) melihat 'Abdullah bin Umar apabila sujud, kemudian beliau mengangkat kepalanya daripada sujud yang pertama (lalu) duduk di atas jari-jari kakinya dan beliau berkata: 'Sesungguhnya (duduk se-

DUDUK ANTARA DUA SUJUD : LAMBAANG KETENANGAN SEORANG HAMBA

perti ini) adalah sunnah." (Riwayat Al-Baihaqi).

Al-Baihaqi dalam kitab Sunan Al-Kubra (2/464) menjelaskan bahawa duduk i'q'a' seumpama ini adalah disunatkan sebagaimana yang diriwayatkan kepada kami daripada Ibnu Abbas dan Ibnu Umar Radiallahuanhum. Beliau seterusnya menjelaskan cara duduk tersebut iaitu yang bermaksud: "(Cara duduk itu) ialah meletakkan jari-jari kaki di atas bumi dan meletakkan punggung di atas dua tumit serta meletakkan lutut di atas bumi."

Menurut An-Nawawi, ulama' berselisih pendapat pada hukum duduk dan kaifiyat dalam duduk Al-I'q'a'. Sebenarnya cara duduk I'q'a' itu dua macam:

1. Meletakkan kedua punggungnya di bumi, menegakkan kedua kakinya dan meletakkan kedua tangannya di atas bumi seperti dukunya seekor anjing. Inilah cara duduk yang dimaksudkan sebagaimana yang dimaksudkan dalam larangan hadis.

2. Menjadikan kedua punggungnya atas tumitnya ketika melakukan duduk di antara dua sujud. Inilah cara duduk yang disunatkan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dalam perkara 2 di atas, Imam As-Syafi'e menyatakan adalah sunat melakukan duduk I'q'a' ketika duduk antara dua sujud sebagaimana disebutkan dalam kitabnya Al-Buwaithi dan Al-Imla'. Walau bagaimanapun dalam nash (kitab) yang lain, beliau menyatakan duduk yang masyhur dan disunatkan ialah duduk iftirash. Oleh yang demikian, duduk yang afdal menurut Mazhab Syafi'e ialah dengan cara duduk iftirash sama ada ketika melakukan duduk tasyahhud awal, duduk antara dua sujud mahupun ketika duduk istirahah (duduk sebelum bangkit bagi rakaat seterusnya). Manakala duduk ketika tasyahhud akhir sunat

dilakukan dengan duduk tawarruk (sebagaimana duduk yang biasa kita buat pada rakaat terakhir sebelum salam). (Shahih Muslim Syarh An-Nawawi: 2/169-170).

Berdasarkan penjelasan di atas, menurut Imam Syafi'e sunat duduk iftirash pada kebanyakan duduk dalam sembahyang, kecuali bagi duduk yang diikuti dengan salam. Menurut beliau juga, duduk di dalam sembahyang itu ada empat iaitu duduk antara dua sujud, duduk tasyahhud awal, duduk istirahah (duduk sebelum bangkit/bertakbir bagi rakaat seterusnya), dan duduk tasyahhud akhir. Kesemua duduk yang disebutkan tadi sunat dilakukan dengan duduk iftirash kecuali duduk tasyahhud akhir. Begitu juga bagi orang yang masbuq, sunat duduk dengan iftirash. Menurut Imam An-Nawawi, jika dilakukan kesemua duduk dalam sembahyang dan menjadikan kaki-kakinya itu dengan cara duduk iftirash, i'q'a' atau tawarruk tidak akan membatalkan sembahyang sekalipun duduk itu berbeza-beza. (Shahih Muslim Syarh An-Nawawi: 2/133-134).

Disunatkan dalam duduk antara dua sujud itu, meletakkan tangan kanan di atas paha kanan dan tangan kiri di atas paha kiri dengan jari-jari diletakkan sejajar di atas kepala lutut sambil menghadap kiblat. Maka tidaklah mengapa jika jari-jari tersebut melimpasi lutut berkenaan. (Al-Majmuk: 3/398).

DOA KETIKA DUDUK ANTARA DUA SUJUD

Perbuatan duduk antara dua sujud ini adalah satu waktu yang sangat singkat iaitu sekadar thuma'ninah (berhenti sekejap) sebelum berpindah kepada sujud yang kedua. Rukun ini melambangkan bahawa hidup seorang mukmin itu sentiasa berdisiplin, tenang dan tidak gopoh di dalam menghadapi sebarang ujian dan cabaran hidup di dunia yang berbagai-

bagai corak rupa yang boleh melalaikan seorang hamba itu daripada Tuhannya.

Ketika melakukan duduk antara dua sujud itu, disunatkan membaca doa yang bermaksud: "Ya Tuhan! Ampunilah aku, rahmatilah aku, tutupkanlah keilbanku, angkatlah kedudukanku, kurniakanlah kepadaku rezeki, dan berilah aku petunjuk serta berilah kepadaku kesihatan."

Doa seumpama ini diriwayatkan dalam beberapa hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, di antaranya yang bermaksud: "Daripada Ibnu Abbas sesungguhnya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam membaca doa ketika duduk antara dua sujud: 'Ya Allah! Ampunilah dosaku, rahmatilah aku, tutupkanlah keilbanku, berilah aku petunjuk dan kurniakanlah kepadaku rezeki.'" (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

Dalam hadis yang lain yang bermaksud: "Daripada Ibnu Abbas sesungguhnya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam membaca ketika duduk antara dua sujud: 'Ya Allah! Ampunilah dosaku, rahmatilah aku, afdalkanlah aku, dan berilah petunjuk serta rezeki kepadaku.'" (Hadis riwayat Abu Dawud).

Doa yang pendek dan ringkas ini merupakan hasrat suci dan rangkuman pengharapan seorang hamba terhadap Penciptanya serta rasa bimbang terhadap dosa-dosa yang telah lalu. Apa yang kita pohonkan dalam doa ini agar Allah Subhanahu Wataala:

* Menjadikan kita seorang manusia yang mencintai jalan kebenaran dan jika kita teresat atau menyimpang daripada jalan-Nya yang lurus, kita memohon petunjuk agar dikembalikan ke jalan yang benar.

* Mengurniakan rahmat-Nya yang melimpah-ruah kepada kita, iaitu rahmat yang



IRSYAD HUKUM
DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

berupa iman yang teguh, ilmu yang bermanfaat, sihat dan sejahtera, kehidupan yang baik dan diredai-Nya.

* Menutup serta menggantikan segala kekurangan atau cacat cela diri kita dengan kebaikan.

* Menjauhkan diri dan keluarga daripada segala malapetaka hidup di dunia dan azab sengsara di Akhirat.

* Menetapkan hidup di atas jalan agama-Nya yang lurus dan sentiasa membimbing segala tindak-tanduk kita dengan taufik dan hidayat-Nya.

* Memohon keampunan atas segala kesalahan dan dosa serta berharap kepada-Nya agar tidak membiarkan kita terus bergelut dengan dosa dan kemahuan nafsu yang jahat.

Apa yang kita ucapkan dalam doa ini bukan sekadar permintaan semata, tetapi merupakan pengisytiharan yang dinyatakan di hadapan Allah Subhanahu Wataala bahawa itulah matlamat yang hendak kita cari. Ia mesti diikuti dengan usaha-usaha yang gigih, sabar, tekun, yakin, reda dan penuh harapan kepada pertolongan Allah. Dengan cara demi-

kian, barulah Allah akan kabulkan permohonan atau doa itu.

Duduk antara dua sujud itu boleh dilakukan sama ada dengan cara duduk iftirash atau i'q'a', malahan tidak membatalkan sembahyang jika dilakukan semua duduk dalam sembahyang sama ada dengan duduk iftirash, tawarruk, atau i'q'a' sekalipun berbeza-beza. Walau bagaimanapun duduk iftirash adalah afdal bagi duduk yang tidak disudahi dengan salam. Manakala duduk tawarruk afdal dilakukan bagi duduk yang disudahi dengan salam (ketika tahiyat akhir).

Hendaklah diingat, doa yang pendek ketika duduk antara dua sujud itu selain merupakan isi ibadah, ia juga sebagai pembekal yang melahirkan tenaga penggerak untuk bertindak mengikut lunas-lunas syariat. Ia melahirkan keazaman serta penyerahan yang tulen pada jiwa seorang hamba untuk mencapai apa yang diharapkannya daripada doa itu. Oleh kerana itu hayatilah setiap gerak-geri ucapan (doa) dalam sembahyang itu supaya memberi kesan yang baik kepada kemantapan iman.

Perletakan papan tanda penggunaan bahasa Melayu

BELAIT. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah pun genap usia 40 tahun penubuhannya. Dalam usaha mengembangkannya, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, berbagai-bagai langkah dan kegiatan telah dibuat dan diatur antaranya dengan pelancaran perletakan papan tanda penggunaan bahasa Melayu di beberapa kawasan yang strategik di seluruh negara.

Dalam hubungan ini Dewan Bahasa dan Pustaka telah merasmikan pelancarannya yang pertama di Daerah Brunei dan Muara pada 6 Mac, lepas bertempat di Kawasan Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Di Daerah Belait, Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah telah melancarkan papan tanda penggunaan

Oleh Haji Nasip Rosli

bahasa Melayu bertempat di Kawasan Padang Penglima, Kuala Belait. Perkara ini antara lain bertujuan bagi mendaulatkan bahasa, di samping dapat mengetengahkan tulisan jawi sebagai tapatan seluruh masyarakat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Beberapa papan-papan tanda yang bersaiz kecil juga akan dipasang beberapa kawasan sebagai salah satu langkah daya penarikan penggunaan bahasa Melayu.

Hadir sama di Majlis Pelancaran tersebut ialah Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Hakim bin Haji Mohd. Yassin, ketua-ketua jabatan, penghulu dan ketua-ketua kampung di Daerah Belait.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah ketika menyempurnakan Majlis Pelancaran Papan Tanda Penggunaan Bahasa Melayu bertempat di Kawasan Padang Penglima, Kuala Belait.

Ku tak layak ke Syurga-Mu namun tak sanggup pula ke Neraka-Mu

APA yang menyebabkan kita berkata sedemikian? Sememangnya iman di hati manusia memberikan keyakinan pada kita bahawa dunia ini hanyalah untuk sementara, hanyalah sebuah jambatan, hanyalah tempat persinggahan bagi menuju ke alam yang kekal dan abadi. Syurga mahupun Neraka adalah dua tempat yang disediakan semata-mata untuk kita. Masing-masing dari keduanya mempunyai perbezaan yang amat jauh sekali. Syurga disediakan untuk orang-orang yang taat kepada Allah, sementara Neraka untuk orang-orang yang ingkar kepada-Nya. Manusia, walaupun hanya sebagai hamba Allah, namun tetap juga diberi peluang untuk memilih salah satu di antara keduanya di akhirat kelak.

Kita mengetahui bahawa Syurga adalah tempat tinggal yang sebaik-baiknya jika dibandingkan dengan tempat-tempat yang terbaik di dunia, Neraka pula seburuk-buruk tempat tinggal. Namun selagi manusia hidup di dunia kita akan tetap tidak sedar bahawa kita sebenarnya hanya hidup di alam yang sekadar menaja di pinjaman. Kerana kita terleka dengan kehidupan dunia yang penuh dengan kesenangan yang hampir-hampir mengabui kenyataan yang sebenar iaitu persinggahan kita di dunia ini hanyalah untuk mencari bekal untuk ke akhirat.

Setelah peristiwa Nabi Adam Alaihissalam bersama Siti Hawa dikeluarkan dari Syurga dan terbuang ke dunia dengan sendirinya kita sebagai keturunan dari keduanya harus terus menyambung cita-cita untuk kembali semula kepada kehidupan di Syurga. Di dunia pula kita dikumpulkan dengan musuh ketat manusia iaitu iblis la'natullah berserta dengan syaitan, kuncu-kuncunya. Maka dengan berkongsinya tempat tinggal sementara kita bersama musuh manusia, tidak dapat dinafikan lagi musuh akan sentiasa mencari jalan untuk menghapuskan mangsanya dengan apa cara sekalipun biar pun sanggup sama-sama terbuang ke jurang Neraka. Atas sebab mendengar nama Neraka itulah maka manusia berusaha untuk menepis segala serangan musuh, bahkan berusaha sedaya upaya melindungi dan mempertahankan diri lebih-lebih lagi bila mendengar nama Syurga yang dijanjikan bagi siapa yang berjaya membolosi perangkap musuh.

Namun perjalanan kita semasa di dunia tidaklah akan terlepas dari tergelincir ke sekecil-kecil lopak hingga ke sedalam-dalam jurang dan begitulah hakikat seorang manusia yang tidak pernah terlepas dari membuat kesilapan dan kesalahan. Sedangkan Syurga hanya tempat bagi orang-orang yang bersih dari segala dosa, manakala Neraka adalah untuk mereka yang berselaput dengan dosa. Atas kenyataan inilah kenapa kita berasa tidak layak untuk ke Syurga. Akan tetapi tidak pula sanggup masuk Neraka. Dosa yang sekecil zarah pun Allah Subhanahu Wataala ambil kira, inikan dosa-dosa yang hampir setiap masa kita lakukan walaupun hanya dosa kecil. Firman

منوجو كرىضان الله
Menuju Keredaan Allah
كلوان ثوسة دعو اسلاميه

Oleh Siti Noorillawati Abd. Rahman

Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Zalzalah ayat 8 yang tafsirnya:

"Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan setimbang debu pun, nescaya Dia pun akan Melihatnya."

Di dalam persimpangan ini kita tidak tahu di manakah hala tuju kita di kemudian hari nanti. Maka, bermula dari sinilah, kita patut sedar bahawa Tuhan itu Maha Pengasih dan Penyayang kerana sentiasa menunjukkan jalan-Nya, membukakan peluang kepada kita untuk membersihkan diri kita dari terus bergelung dengan dosa. Walaupun kita berbuat bermacam-macam dosa tetapi di sana sentiasa ada jalan untuk kita bertaubat.

Kita juga patut tahu bahawa Allah itu Maha Adil kerana setiap apa jua yang kita lakukan pasti balasan-nya setimpal. Perkara baik kita lakukan, maka baiklah balasannya dan begitulah juga sebaliknya. Di sini hanya tinggal kita saja yang memilih mana yang terbaik untuk kita. Semuanya ini disediakan hanya untuk kebaikan manusia sendiri juga dan bagi Allah. Dia tidak akan pernah rugi apa-apa sama ada kita akan masuk Syurga-Nya atau Neraka-Nya.

Kesenangan dunia tidak pernah menjanjikan apa-apa untuk kita sebenarnya kerana itu semua hanyalah untuk cubaan dan dugaan semata-mata. Kita merasakan tidak layak untuk ke Syurga disebabkan kita pernah atau masih atau akan melakukan dosa juga selagi nyawa masih dikandung badan, tapi kita patut sedar bahawa pintu taubat masih terbuka dan kita masih ada peluang membersihkan diri dari dosa. Tetapi bila kita sudah merasakan tidak sang-

gup untuk masuk Neraka, dengan sendirinya kita akan menyusuri perjalanan dunia yang penuh ranjau duri dan liku-liku dengan begitu tabah dan sabar berganding dengan agama Allah Subhanahu Wataala tanpa mahu berpaling kepada kemungkaran lagi, insya Allah.

Maka, mengapa tidak mulai dari detik ini, kita meneruskan perjalanan hidup ini dengan perasaan dan cita-cita untuk mengecapi kehidupan Syurga yang diidam-idamkan itu? Namun perjalanan hidup itu tidak akan dapat ditempuh secara individu sahaja, bahkan kita manusia sudah sewajarnya ada perasaan semangat perpaduan untuk menuju ke arah matlamat itu, bak kata pepatah Melayu 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'.

Oleh itu, kita semestinya bersama-sama dalam merealisasikan cita-cita tersebut. Bersama-sama kita mencegah perbuatan yang mungkar dan mendirikan yang makruf. Sama-sama kita saling ingat-mengingati antara satu sama lain agar tidak terpedaya dengan perhiasan dunia semoga kita sama-sama berjaya menuju matlamat yang satu iaitu hidup yang abadi. Sepatutnya kita yang hanya singgah sebentar di dunia ini hendaklah merasa bersyukur kerana Allah Subhanahu Wataala yang Maha Pemurah dan lagi Maha Luas Nikmat-Nya telah menyediakan sedikit kesenangan dalam perjalanan kita untuk menuju ke akhirat yang abadi. Inilah hakikat hidup kita yang sebenarnya, dari-Nya kita datang dan kepada-Nya juga kita akan kembali.

Kementerian Kesihatan memberikan perkhidmatan terbaik di rantau ini

Oleh Abdullah Asgar

GADONG, 27 Julai. - Kementerian Kesihatan berwawasan dan bermisi 'Sentiasa Berusaha Dengan Gigih' menjadi sebuah organisasi yang memberikan perkhidmatan berpotensi tinggi, sebanding dengan yang terbaik di rantau ini.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Haji Zainal (tiga dari kanan) ketika hadir menutup rasmi Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Kementerian itu juga membolehkan setiap rakyat dan penduduk di negara ini mencapai kualiti kehidupan yang tinggi dan produktif dari segi sosial, ekonomi dan mental di sepanjang hayat.

Setiasa Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Haji Zainal bin Haji Momin membuat kenyataan itu dalam ucapannya sebelum menutup Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) kementerian itu yang diadakan di Institut Perkhidmatan Awam.

Menurutnya, banyak program meningkatkan kualiti telah diusahakan oleh kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam dan kementerian-kementerian lain.

Untuk mencapai wawasan itu pihaknya perlu menjamin bahawa perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang diberikan itu berkualiti, efisien dan berkesan kepada seluruh rakyat dan penduduk negara ini, katanya.

Terlaksananya KKC jelasnya, dapat dilihat pertambahan kumpulan yang ditubuhkan dan penyertaan serta kejayaan dalam KKC.

Oleh itu ujarnya, komitmen gigih dan sokongan padu dari semua peringkat termasuk ketua pengarah dan pengarah-pengarah sangat penting dalam program perubatan dan memperluaskan lagi peranan KKC di kementerian itu.

"Dengan adanya galakan, dorongan dan pemantauan kumpulan dalam jabatan, setentunya akan menjadikan KKC sebagai satu agenda dalam program perubatan dan pembaikan jabatan masing-masing," katanya.

"Program KKC ini mendatangkan banyak faedah kepada kementerian ini, terutamanya dalam meningkatkan produktiviti dan prestasi kerja, memperbaiki sistem dan cara kerja, mengeratkan hubungan silaturrahim dan kerjasama di kalangan pekerja dan membina sifat kepimpinan motivasi bekerja," tambahnya.

Jelasnya, program KKC berjaya membuat perubahan dan pembaikan yang boleh memberikan kesan kepada organisasi.

Kumpulan TLC memenangi KKC kementerian itu manakala di tempat kedua Kumpulan H2O dan De Narkotik di tempat ketiga.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat yang diteruskan dengan penyampaian hadiah sagu hati dan pemenang tahun lepas.

NILAI SEMULA HASIL KKC

RIMBA, 24 Julai. - Terdapat beberapa strategi dan 'approach' perlu dinilai semula oleh semua peringkat atasan dan bawahan dalam membudayakan dan memperluaskan hasil Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC).

Pengarah Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan, Awang Haji Md. Mahdi bin Haji Abdul Rahman berkata usaha dan tanggungjawab Kementerian Kesihatan dalam usaha memperbaiki dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada penduduk dan rakyat negara ini sangat dihayati.

Beliau menjelaskan perkara itu ketika merasmikan Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Ke-3, Kementerian Kesihatan, di Institut Perkhidmatan

Oleh Samle HJ

Awam.

Sebanyak 14 dari 21 buah pasukan telah terpilih ke pertandingan akhir dalam konvensyen kali ketiga itu.

Sebelum itu, kementerian berkenaan telah melatih lebih kurang seribu orang pegawai dan kakitangan dan membentuk sebanyak 117 buah kumpulan.

"Kementerian Kesihatan boleh dianggap antara paling aktif dalam menghidupkan dan membudayakan serta melipatgandakan perkembangan KKC," jelas Awang Haji Md. Mahdi.

Antara projek-projek yang ditampilkan merupakan masalah atau isu yang



KEMENTERIAN Kesihatan sentiasa mempertingkatkan perkhidmatan, jelas Pengarah Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan, Awang Haji Md. Mahdi. - Gambar oleh Masri Osman.

merangkumi semua aspek dari segi sistem laporan, aduan, peraturan kerja, penyimpanan, inventori dan kawalan mutu kerja.

Kementerian Kesihatan telah beberapa kali menaja Konvensyen KKC di peringkat kebangsaan.



PARA pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kesihatan ketika hadir menyaksikan Konvensyen KKC kementerian tersebut. - Gambar oleh Masri Osman.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Peranan ARF semakin mencabar

FORUM Serantau ASEAN (ARF) merupakan forum atau perbincangan yang melibatkan para menteri dari sepuluh negara ASEAN dan beberapa buah negara dari rantau Asia Pasifik. Berbeza dengan persidangan ASEAN dengan rakan-rakan dialog (PMC) yang hanya menumpukan kepada bidang dan kerjasama seperti sosial, ekonomi, pembangunan dan hubungannya dengan ASEAN, ARF lebih menumpukan perbincangan khusus mengenai isu-isu dan kerjasama politik dan keselamatan. Peranan ARF semakin mencabar kerana faktor-faktor perkembangan semasa dunia antara-

bangsa, di samping usaha untuk menentukan hala tuju dan proses ARF itu sendiri di masa-masa yang akan datang.

Sebagai forum yang melibatkan banyak negara dan pertambahan ahli-ahli menyertainya, peranan dan fungsi ARF sangat bermakna dalam menjalin hubungan, kerjasama dan persefahaman sesama ahli ARF. Dengan pelbagai perbezaan latar belakang, kedudukan sosial, ekonomi dan politik, ARF perlu berusaha meningkatkan kerjasama ini melalui pertemuan secara langsung para menteri ARF. Seperti yang dinyatakan di forum pertama ARF dalam tahun

1994, tujuan ARF ditubuhkan ialah untuk meningkatkan dialog dan perjumpaan mengenai isu-isu politik dan keselamatan yang menjadi kepentingan dan perhatian bersama. Dalam usaha ini, ARF berhadapan dengan cabaran untuk membina keyakinan dan memelihara diplomasi antara sesama negara, selain peluang menyuarakan pendapat, pandangan dan pendirian dengan lebih terbuka.

Dengan perkembangan era globalisasi dan pergolakan dunia antarabangsa yang bermacam-macam dan tidak menentu, peranan dan kewibawaan ARF turut mencabar untuk sama ada menyatakan pendirian dan ke-

sepakatan terutama yang melibatkan isu-isu sensitif dan pihak-pihak yang terlibat. Tercetusnya isu keganasan akibat serangan 11 September 2001 ke atas Amerika Syarikat sebagai contoh membuka banyak ruang untuk perbincangan atau menyusun strategi bagaimana menangani isu tersebut. Selain daripada itu, terdapatnya ahli-ahli ARF yang terdiri daripada kuasa-kuasa besar dunia dan ahli-ahli Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti Amerika Syarikat, China dan juga dari Kesatuan Eropah, ARF mahu menghasilkan kesepakatan, sokongan dan pengisytiharan akan isu-isu tertentu. Penglibatan peg-

wai-pegawai tentera dan pertahanan dalam ARF akan membuka peluang yang lebih luas dalam usaha meningkatkan kerjasama, mencari dan berkongsi maklumat dan mengetahui kedudukan sebarang isu yang dibangkitkan.

Sebagai Pengerusi kepada ARF, ASEAN sendiri dapat menjadikan ARF untuk meraih sebuah pertubuhan di rantau ini mengenai kepentingan, perhatian dan keterlibatannya di arena antarabangsa. Kebebasan untuk mengemukakan sebarang agenda dan isu-isu tertentu untuk dibincangkan dengan ARF juga penting untuk me-

mastikan komitmen dan kerjasama berterusan melalui ARF. Apa yang penting, proses mencapai keputusan dapat diambil, walaupun masa tertentu dapat menjadikan forum rangka kerjanya untuk mengukur kejayaannya.

Kehadiran para Menteri ARF di Forum Ke-9 yang diadakan di negara kita akan menjadi medan terbaik untuk menyatakan pendirian masing-masing terhadap isu-isu yang dibangkitkan. Sama ada ia melibatkan kepentingan dan perhatian ASEAN atau ahli-ahli ARF yang lain, ARF perlu memfokuskan perbincangan kepada usaha meningkatkan kerjasama

yang lebih berkesan di peringkat serantau dan dunia antarabangsa. Peranan ARF di satu pihak sendiri mampu mencipta senario yang terbaik untuk mewujudkan kerjasama yang diharapkan, di samping memperlihatkan keberkesanan dan kejayaannya sebagai forum yang mewakili rantau Asia Tenggara dan Asia Pasifik.

Awang Abdul Wahab bin Haji Abdullah,
No. 21G, Kampong Burung Pingai Ayer,
BM 1126.
No. k/p: 058132

Perlu bergerak secara komprehensif

FORUM Serantau ASEAN atau lebih dikenali ARF telah mula diwujudkan pada tahun 1994 dan kini ianya sudah berumur sembilan tahun. Ianya dianggotai oleh 10 buah negara ASEAN - Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Indonesia, Republik Singapura, Republik Filipina, Thailand, Viet Nam, Kemboja, Myanmar dan Laos dan 13 buah negara dari rantau Asia Pasifik antaranya terdiri dari Amerika Syarikat, Russia, Kesatuan Eropah, China, Republik Korea dan Jepun. Selama diwujudkan, ARF telah berperanan besar dan memainkan peranan penting dalam mewujudkan kestabilan politik dan keselamatan di rantau Asia Pasifik sesuai dengan penubuhannya yang lebih menumpukan bidang-bidang kerjasama keselamatan dan politik semasa.

Kepentingan ARF kini lebih mendesak dan amat diperlukan dalam menghadapi cabaran-cabaran baru dan perubahan iklim dunia yang semakin konflik dan mencabar lebih-lebih lagi berikutan serangan 11 September ke atas New York dan Pentagon pada tahun 2001. Peristiwa hitam itu terus menghantui dunia masyarakat global. Justeru itu, anggota-anggota ARF terus mengadakan perbincangan dan dialog secara terbuka bagi menangani isu-isu berkenaan khususnya keganasan antarabangsa yang mengancam kehidupan manusia sejagat.

Peristiwa 11 September itu benar-benar menguji kewibawaan ARF di mana tiga kuasa besar dunia iaitu Amerika Syarikat, Russia dan China terus berusaha gigih bagi menangani isu keganasan. Pelbagai langkah telah diambil oleh ARF dalam memastikan kestabilan politik di rantau Asia Pasifik terjamin dari belenggu keganasan. Namun atas dasar untuk mewujudkan kawasan yang stabil, ARF telah dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan dan kini lebih bersedia untuk menghadapi dan menangani isu yang kini hangat diperbincangkan di forum-forum antarabangsa.

Dalam memastikan kestabilan rantau Asia Pasifik, ARF lebih cenderung untuk bergerak secara komprehensif dan bersepadu serta mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dalam menangani isu-isu yang melibatkan keselamatan sejagat. Sebagai contoh pertikaian dan tuntutan bertindih ke atas kepulauan Spratlys diselesaikan secara aman di meja rundingan dan bukannya secara kekerasan. Ini menunjuk-

kan bahawa anggota-anggota ARF lebih mengutamakan perbincangan dan permuakazaran di meja bulat daripada sebarang bentuk yang boleh menggugat dan menimbulkan keadaan yang tidak stabil seperti penggunaan ketenteraan.

ARF ditubuhkan untuk meningkatkan dialog di bidang keselamatan juga kini membina keyakinan di kalangan anggotanya antaranya termasuklah pertukaran pertahanan dan rangkaian kerjasama serta kerjasama bagi menyokong usaha-usaha ARF dalam pelbagai bidang antaranya termasuk meningkatkan ekonomi di kalangan anggota. Di samping itu, ARF juga memberi perhatian yang utama mengenai perkembangan terbaru aktiviti-aktiviti berhubung kait di luar proses ARF dan isu-isu profesional yang memerlukan penyelesaian.

Pertemuan ARF Ke-9 di Bandar Seri Begawan merupakan titik tolak dan medan terbaik dalam menyelesaikan beberapa konflik dan pertikaian yang wujud di rantau Asia Pasifik dan mencari jalan yang terbaik untuk menanganinya. Dan buat pertama kalinya sejak ditubuhkan, Bandar Seri Begawan juga menyaksikan pertemuan pertama kali pegawai-pegawai tentera dari anggota ARF. Pertemuan pertama kali ini tidak syak lagi membayangkan keazaman dan kemahiran ARF untuk mewujudkan dan mengekalkan kemakmuran dan kedamaian di rantau Asia Pasifik.

Dalam perkembangan era globalisasi dan dunia tanpa sempadan, peranan yang dimainkan oleh ARF lebih mencabar. Ini sudah barang tentu menghendaki semua anggotanya melibatkan diri secara aktif dan bergerak secara lebih bersepadu dan konsisten. Apa pun alasan, penubuhan ARF tetap akan memperjuangkan dan mengekalkan kestabilan politik dan keselamatan di rantau Asia Pasifik. Bagi ASEAN yang merupakan Pengerusi kepada ARF, penubuhan ARF sangatlah penting kepada pertubuhan itu dalam usahanya untuk mewujudkan keselamatan dan juga untuk mempertahankan rantau ini bebas dari sebarang ancaman dan pertikaian yang boleh mengancam dan mengganggu gugat kestabilan rantau ASEAN sendiri.

Muhammad Noor Firdaus bin Haji Jaafar,
Unit 16, Rumah Kembar Dua,
STKRJ, Kampong Rimba, Gadong.
No. k/p: 303101

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Peranan Forum Serantau ASEAN (ARF) Semakin Mencabar'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

NEGARA Brunei Darussalam merupakan antara negara yang aktif mengambil bahagian dalam forum serantau khususnya dalam ASEAN, peranan Negara Brunei Darussalam dalam memberi sumbangan sebagai tuan rumah, memberi input yang berkesan dalam forum tersebut telah menghasilkan banyak perancangan dan wawasan ASEAN dapat dijayakan dengan jayanya walaupun tidak sepenuhnya.

Forum-forum sebegini amat penting untuk survival negara-negara ASEAN di samping menstabilkan kemakmuran dan keamanan. Dia juga dapat melancarkan pergerakan perekonomian, mobilisasi teknologi, sumbangan fikiran dalam membangunkan semangat paduan ummah dan juga menjaga semangat setia kawan di dalam ASEAN.

Kedewasaan ASEAN dalam mengharungi gelombang globalisasi telah membuka mata masyarakat antarabangsa betapa kesepakatan yang telah dicapai telah membuahkan hasil. Keharmonian dan kestabilan, tidak menganggu gugat ketenteraman dalam negara masing-masing telah melahirkan ASEAN antara pertubuhan yang disegani selain EEC, NAFTA, Kesatuan Negara-negara Afrika dan lain-lain.

Forum ekonomi, pendidikan, politik, sosial, keselamatan dan lain-lain telah berjalan dengan lancar

walaupun setengah peran-cangan itu terbantu akibat masalah kemelesetan ekonomi tetapi ia tetap berjalan mengikut jadual yang direncanakan.

Dalam Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan ASEAN Ke-7 dan Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan ASEAN+3 Ke-5 dalam bulan November 2001 telah melihat kejayaan ke arah itu terutama dalam menemukan para pemimpin belia ASEAN, ahli akademik dan pegawai-pegawai kerajaan 13 buah negara.

Di samping itu, peranan Forum Serantau ASEAN juga menjurus kepada peningkatan ekonomi, bagaimana untuk mengatasi kemelesetan ekonomi, meningkatkan urusan niaga antara negara-negara ASEAN di samping mengadakan dialog bersama negara-negara Asia Pasifik. Hubungan dengan China, Jepun dan Korea telah membuka ruang pasaran antarabangsa bagi negara-negara ASEAN. Konflik mengenai tuntutan bertindih kepulauan Spratlys walaupun sedikit sebanyak menegangkan hubungan ASEAN dan negara China tapi dapat diselamatkan dengan kebijaksanaan para pemimpin dengan mengadakan forum antarabangsa.

Forum serantau ASEAN dapat meredakan keadaan yang tegang di samping dapat memberi penerangan dan penjelasan pendirian ASEAN berhubung keganasan antarabangsa, kedaulatan negara-negara, hu-

Meredakan ketegangan

bugan perniagaan/ekonomi dan juga sekatan-sekatan terhadap pendatang asing/haram, penyeludupan dadah dan kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara. Mereka bersepakat untuk sama-sama menangani masalah tersebut.

Jadi, jelas di sini betapa pentingnya forum-forum antarabangsa diadakan dan digiatkan supaya keamanan dan pembangunan negara dapat dijalankan dengan jayanya. Kejayaan Negara Brunei Darussalam dalam mengendalikan forum-forum serantau seperti Per-

sidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 2000 yang dianggotai 16 buah negara telah menghasilkan kejayaan. Ini menunjukkan keberkesanan kepimpinan yang ditunjukkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di arena antarabangsa.

Dayang Ainul Balqiah binti Haji Kassim,
No. 13 'A', Simpang 236,
Kampong Sinarubai,
BF 2120.
No. k/p: 291572

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Sumbangan Belia Dalam Membangun Negara atau 'Nation Building' Penting. Bincangkan'. Tarikh tutup 17 Ogos 2002.
2. 'Cuti Sekolah Bukan Untuk Bersuka Ria. Bincangkan'. Tarikh tutup 24 Ogos 2002.
3. 'Bincangkan Tema Hari Guru 2002 - Guru Memperkasa Kesempurnaan Insan'. Tarikh tutup 31 Ogos 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

**Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.**

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

Diabetes penyebab ketiga kematian



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar menerima sumbangan dari Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) yang diserahkan oleh Pengarah Urusan bank tersebut, Pengiran Datin Paduka Hajah Ural. - Gambar oleh Abdullah HAD.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan berkesempatan membuat pemeriksaan diabetes. - Gambar oleh Abdullah HAD.

KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI-PEGAWAI POLIS DIRAJA BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan kenaikan pangkat kepada Pegawai-pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei bermula 15 Julai 2002.

Lima pegawai dinaikkan pangkat Pemangku Penguasa Polis (Ag. Supt). Mereka ialah DSP Feisal Al-Sufri bin Haji Adinin, DSP Haji Mohd. Don bin Haji Harith, DSP Pengiran Datin Mariam binti Pengiran Haji Othman, DSP Johari bin Dato Paduka Haji Matnor dan DSP Realis bin Haji Jais.

Lima pegawai dinaikkan pangkat Pemangku Timbalan Penguasa Polis (Ag. DSP). Mereka ialah ASP Pengiran Mohd. Roslin bin Pengiran Haji Abu Bakar, ASP Aminah binti Haji Md. Yassin, ASP Sharjuddin bin Haji Masri, ASP Kevin Ted Voon Chuih dan ASP Pengiran Zaidi bin Pengiran Haji Metali.

Seorang ditetapkan ke pangkat Penolong Penguasa Polis (ASP) ialah Ag. ASP Pengiran Haji Sabtu bin Pengiran Haji Osman. Sementara tiga pegawai dinaikkan pangkat Penolong Penguasa Polis (ASP). Mereka ialah C/Inspektor Yakub bin Ismail, C/Inspektor Ariffin bin Jafaruddin dan C/Inspektor Mohd. Noor bin Haji Sarbini.

Tujuh lagi dinaikkan pangkat Penolong Penguasa Polis (ASP) iaitu S/Inspektor Pengiran Haji Muhammad bin Pengiran Haji Metali, S/Inspektor Haji Mohd. Yusoff bin Haji Kassim, S/Inspektor Haji Mohammad Limon bin Abdullah Kumpu, S/Inspektor Haji Muhammad Azrie bin Haji Talip, S/Inspektor Haji Zaini bin Haji Abdul Rahim, S/Inspektor Chipli bin Haji Mohammad dan S/Inspektor Haji Othman bin Haji Ahmad.

Seterusnya S/Inspektor Hajah Kamariah binti OKIP Shari, S/Inspektor Sabtu bin Adi dan S/Inspektor Suhairi bin Haji Sukri dinaikkan pangkat Ketua Inspektor (Chief Inspector).

10 pegawai lagi dinaikkan pangkat Inspektor Kanan (Senior Inspector). Mereka ialah Inspektor Awang Panjang bin Haji Mohd. Salleh, Inspektor Pengiran Haji Saifuddin bin Pengiran Haji Md. Salleh, Inspektor Dayang binti Haji Omar, Inspektor Yaakub bin Haji Othman, Inspektor Haji Rashid bin Haji Kassim, Inspektor Halimah binti Haji Nayan, Inspektor Mohd. Noorani bin Hussin, Inspektor Pengiran Abdul Salam bin Pengiran Haji Ghani, Inspektor Pengiran Muhaimin bin Pengiran Haji Mustapha dan Inspektor Awang Abdul Aji bin Haji Apong.

Manakala 10 ahli-ahli polis pangkat rendah dinaikkan pangkat Inspektor. Mereka ialah SM 120 Sawal bin Haji Nudin, SM 671 William Thau Yin, SM 132 Haji Md. Ali bin Haji Emran, SM 693 Haji Abdul Rahman bin Haji Bujang, SM 754 Haji Bakar bin Lamit, SM 1045 Rambli bin Sabari, SM 1029 Haji Meramit bin Haji Saban, S/Sarjan 1534 Pusa bin Kaling, S/Sarjan 1190 Haji Zakaria bin Haji Duraman dan Sarjan 2359 Zaal Abidin bin Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Julai. - Kementerian Kesihatan percaya masalah kencing manis atau diabetes yang meningkat di negara ini sebanyak 12 peratus sepanjang tahun lalu akibat langsung daripada masalah kegemukan atau obesiti.

Selain penyakit jantung dan barah, diabetes penyebab ketiga kematian di negara ini, kata Ketua Pegawai Eksekutif, Pengiran Hashim bin Pengiran Haji Besar di Majlis Lawatan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar ke Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) di sini.

Menurut beliau, penyakit diabetes berhubung kait dengan cara hidup dan boleh dicegah dengan mengamalkan cara hidup sihat, manakala lebih dari dua ratus orang pesakit di negara ini diberikan temu janji setiap minggu bagi konsultasi, khidmat nasihat dan rawatan berkaitan dengan penyakit tersebut.

Majlis diselenggarakan dengan perasmian Pusat Diabetes yang mempunyai konsultasi, khidmat nasihat dan rawatan serta pegawai yang berkemahiran dan pakar dalam bidang endocrine dan diabetes iaitu seorang pakar locum dan dua pegawai perubatan kanan yang terdiri dari anak tempatan, sementara lima orang pegawai pemakanan (dietitian) dan seorang pegawai podiatry.

Diabetes terjadi akibat gula dalam darah terlalu tinggi dari paras normal, manakala insulin sejenis hormon yang dihasilkan oleh pankreas yang mengawal paras glukos (gula) di dalam darah. Glukos dihasilkan dari makanan yang dimakan dan insulin diperlukan untuk mengeluarkan glukos dari saluran darah ke dalam sel-sel badan digunakan sebagai sumber tenaga.

Bagi pesakit diabetes, pankreas tidak dapat menghasilkan insulin dengan secukupnya atau tindakan insulin tidak berkesan yang mengakibatkan glukos dalam darah berkumpul ke tahap yang tinggi dan menyebabkan paras gula meningkat.

Orang yang berisiko tinggi mendapat diabetes daripada keturunan, kegemukan, pemakanan yang tidak sihat dan mendapat jangkitan kuman.

Tanda-tanda diabetes ialah kabur penglihatan, terlalu haus, luka yang lambat sembuh, berat badan menurun tanpa sebab, kebas-kebas kaki dan tangan, letih dan tidak bertenaga, kerap buang air kecil dan rasa loya dan muntah.

Pemusatan perkhidmatan diabetes satu usaha ke arah memenuhi matlamat itu. Perkhidmatan diabetes dan endocrine, perkhidmatan dietetik, podiatry dan perkhidmatan daripada pengajar jururawat diabetes ditempatkan dalam satu bumbung, inisiatif yang diharap akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih sempurna kepada

Oleh Awangku Jefferi PD

orang ramai dalam suasana yang lebih selesa dan paling utama, suasana mesra pelanggan.

Selain itu, suasana tempat bekerja yang kondusif juga akan menyumbang kepada peningkatan moral pekerja dan produktiviti kerja.

Pegawai Perubatan Kanan, Rumah Sakit RIPAS, Dr. Norlinda dalam taklimatnya berkata, kencing manis punca kematian yang keempat tertinggi di negara ini dan masalah kencing manis lebih diburukkan lagi dengan kemunculan masalah kencing manis jenis kedua yang berlaku di kalangan belia dan kanak-kanak yang menyebabkan timbul komplikasi kencing manis pramatang.

Dr. Norlinda berkata, kajian yang dibuat oleh Rumah Sakit RIPAS sepanjang tahun lalu mendapati hampir 52 peratus pesakit yang menjalani dialisis terdiri dari mereka yang menghidap kencing manis.

Manakala peningkatan bilangan penghidap penyakit ini juga terbukti melalui kajian penduduk yang dijalankan oleh Jabatan Mata, Rumah Sakit RIPAS sepanjang tempoh empat tahun dari tahun 1997 hingga 2000 menunjukkan komplikasi mata akibat kencing manis meningkat kepada 20 peratus bagi sejumlah 5,000 pesakit yang menerima rawatan.

Sehubungan dengan itu, kencing manis bukan hanya mengakibatkan tanggungan yang besar bagi pihak berkuasa kesihatan, malah ianya menjadi punca kehilangan tenaga kerja yang produktif, kata beliau lagi.

Menurut beliau, Pusat Kencing Manis, Rumah Sakit RIPAS ditubuhkan untuk menyediakan kawalan dan penjagaan yang menyeluruh, bermutu tinggi dan mudah diperolehi supaya komplikasinya terhadap penghidap dapat diminimalkan bagi mempertingkatkan kesejahteraan mereka.

Pusat tersebut juga menawarkan perkhidmatan satu hentian bagi kencing manis dan masalah berkaitan dengannya seperti rawatan optimum berserta pemeriksaan yang kerap bagi mengesan tanda awal kencing manis.

Majlis diselenggarakan dengan penyerahan alat-alat perkakas yang berupa alat pejabat, peralatan komputer, peralatan perubatan dan peti televisyen. Keseluruhan sumbangan itu berjumlah lebih \$30,000.00. Penyerahan alat-alat perkakas tersebut dilakukan oleh Pengarah Urusan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB), Pengiran Datin Paduka Hajah Ural.

Lima kes keracunan makanan membabitkan 100 pelajar

Oleh
Awangku Jefferi PD

BERAKAS, 31 Julai. - Menurut Bahagian Kawalan Keselamatan dan Mutu Makanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan dalam tahun ini sahaja sebanyak lima kes keracunan makanan membabitkan 100 pelajar sekolah kerajaan dan bukan kerajaan telah berlaku di negara ini.

Kes tersebut sangat membimbangkan dan memerlukan tindakan yang cepat untuk menanganinya, kata Pengiran Haji Johari bin Pengiran Haji Daud di Majlis Ceramah Kebersihan dan Keselamatan Dalam Menyediakan Makanan yang diadakan di Pusat Pemeriksaan Kesihatan di sini.

Ceramah tersebut diketuai oleh Bahagian Perkhidmatan Pemakanan dan Asrama Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makan-

kantin sekolah di seluruh negara termasuk pengurus dan juga tukang masak.

Menurut beliau, dalam hal-ehwal pengendalian makanan, penjaagaan tahap optima kebersihan makanan dan alat perkakas sangat penting diambil perhatian setiap masa dengan sikap dan kesedaran serta amalan positif terhadap kebersihan dan kesihatan.

Sehubungan ini, beliau menyeru pegawai yang terlibat dalam pengendalian makanan supaya mengetahui ataupun didedahkan dengan maklumat berhubung kebersihan diri, bagaimana pencemaran makanan berlaku, keracunan makanan dan pencegahan keracunan makanan.

Beliau juga berharap pihak-pihak yang terlibat akan dapat mengambil perhatian yang terperinci dan teliti terhadap apa jua maklumat dan ilmu yang diperolehi supaya akan da-

pat diamalkan demi untuk membina masyarakat dan pelajar yang sihat serta cergas, di samping bebas dari keracunan makanan yang diambil.

Ceramah bertujuan bagi meningkatkan kesedaran di antara pengusaha kantin sekolah mengenai penyediaan dan pengendalian makanan yang memuaskan, cara mengatasi keracunan makanan dan meningkatkan pengetahuan pengusaha terhadap keselamatan makanan, di samping untuk mengeratkan kerjasama di antara pengusaha sekolah dan kakitangan Unit Keselamatan Makanan.

Ceramah tersebut diarahkan oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Perkhidmatan Pemakanan dan Asrama, guru-guru pengawas kantin dan pemakanan serta guru-guru pengawas asrama dan penjaga asrama.

Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran Negara



Gambar-gambar
oleh
Pengiran Haji
Bahar PHO,
Haji Masmaleh HMA
dan
Mohd. Zul-Izzi HD



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran kepada beberapa orang anggota Polis Diraja Brunei (kiri). Sementara gambar kanan, baginda ketika berkenan berangkat ke Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman bagi istiadat tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B.); Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Keempat (S.U.B.); Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (P.S.B.) dan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kelima (P.U.B.) kepada beberapa orang pegawai kerajaan, anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan swasta (atas kiri, tengah dan kanan dan kiri).

PEGAWAI-PEGAWAI dari Jabatan Perdana Menteri yang menerima Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B.) (bawah kiri).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ketika berkenan berangkat ke istiadat Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam. Berangkat sama ke majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Wagar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas dan kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik semasa berkenan berangkat ke Majlis Persantapan yang disembahkan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) (kanan).



Majlis Persantapan disembahkan oleh ABDB sempena Hari Keputeraan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani 'parchment' keberangkatan (kiri). Sementara gambar atas kiri, baginda dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima junjung ziarah para pegawai ABDB dan isteri sejeurus tiba di majlis itu.

Oleh
Abd. Karim HAB
Gambar-gambar
oleh
Harun HR,
Pg. Rafee PDPHM
dan Ramli Tengah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima pesambah yang berupa replika sepucuk pistol kristal di Majlis Persantapan yang disembahkan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (atas).

BAGINDA berkenan beramah mesra sambil menerima junjung ziarah dari para pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (kiri).



BERANGKAT sama ke Majlis Persantapan yang disembahkan oleh ABDB ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan ahli kerabat diraja yang lain (atas). Sementara gambar kiri, kumpulan koir ketika menyanyikan lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Ilmu agama Islam dapat menolak serangan globalisasi

SENGKURONG, 26 Julai. - Dalam dunia globalisasi tanpa sempadan, kita semakin terdedah dengan gejala-gejala yang boleh mencemari dan merosakkan pemikiran kita sekali gus meruntuhkan akidah dan melemahkan kekuatan kita.

Berleluasanya penggunaan internet, maka maklumat semakin terbuka dalam hubungan ini kita sebenarnya tidak terdaya untuk mengawasi dan menangkis serangan-serangan itu seratus-peratus.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof menyuarakan pandangan itu di Majlis Peraduan Akhir Membaca Khutbah Jumaat dan Mendeklamasikan Puisi Belia-beliawan Masjid, Surau Serta Balai Ibadat Senegara yang berlangsung di Masjid Kampong Kilanas di sini.

Kerana tegasnya, serangan-serangan itu datang dalam pelbagai cara dan bentuk yang asing dan halus.

Katanya, hanya dengan penghayatan ilmu agama Islam yang murni dan iman serta takwa yang teguh kita dapat menolak dan menepis serangan-serangan tersebut.

"Penglibatan belia-beliawanis dalam peraduan ini akan menjadi langkah awal dalam melahirkan bangsa yang perkasa dan umat yang mulia," ujarnya.

Dalam hubungan itu juga katanya, para belia-beliawanis dapat melebarkan minda


Oleh Haji Ahmad HS

dan mengenal agama Islam dari dalam Islam sendiri; mempromosikan belia dengan aktiviti keroohanian yang menjurus kepada hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan Allah.

Awang Muhammad Arif bin Haji Awang Rayi dari Masjid Al-Ameerah Al-Hajah Mariam Jerudong menjuarai tempat pertama dalam membaca khutbah Jumaat dan Dayang Abidah Al-Mukarramah Haji Salleh memenangi peraduan mendeklamasikan Puisi Islam.

Tujuan peraduan tersebut bagi mendedahkan aktiviti-aktiviti masjid kepada para belia kerana dengan berkhutbah dan berpuisi dapat melahirkan belia-belia yang berketrampilan, berkualiti dan sedikit sebanyak mampu menangani cabaran yang mendatang terutama isu-isu yang sensitif dalam masyarakat kita dan menjadi titik permulaan menjadi belia cemerlang.

Pertandingan tersebut dianjurkan oleh Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Kilanas, sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Darussalam Ke-56.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (empat dari kanan) ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Peraduan Akhir Membaca Khutbah Jumaat dan Mendeklamasikan Puisi Islam. - Gambar-gambar oleh Mohd. Zui-izzi.

Peranan tradisi dan konvensi dalam penghasilan kesusasteraan Melayu tradisional

Dari muka 2

Walaupun perkara ini terjadi, hasil karya pengarang istana itu tetap memperlihatkan warna tradisi dan karyanya masih tidak jauh menyimpang daripada tipa model yang diwariskan oleh tradisi penglipur lara. Ini bererti tradisi dan konvensi dalam penglipur lara itu masih diamalkan atau dijadikan pegangan oleh pengarang istana dalam menghasilkan karyanya. Dengan kata lain, dalam usaha menulis, penulis tidak dapat mengelak dari tradisi dan konvensi yang dibawa dalam lisan. Di antaranya;

Sewaktu pengarang menulis mukadimah teks sastra terutama mukadimah teks bercorak sejarah, ia masih merujuk kepada orang tua-tua. Pengarang tidak menulis nama mereka kerana kepatuhannya kepada tuntutan kolektif. Ini adalah merupakan satu tradisi yang datang dari budaya lisan. Misalnya dalam Sejarah Melayu:

Maka fakir, karanglah hikayat ini kama samitu min jaddi wa'bi dan fakir himpunkan daripada segala riwayat orang tuha-tuha dahulu kala....

Formula-formula pembukaan dan penutup juga masih digunakan oleh pengarang istana seperti Kata yang empunya cerita.... Demikianlah yang dihikeyatkan oleh orang-orang tua, dan sebagainya. Selain itu, kata-kata klise contohnya; seperti bulan empat belas hari, juga masih digunakan untuk menggambarkan kecantikan seorang gadis kerana ianya sudah menjadi satu konvensi. Begitu juga unsur perendahan diri yang merupakan satu tradisi budaya lisan itu masih diamalkan oleh pengarang istana. Jelas di sini, unsur-unsur tradisi dan konvensi itu masih tebal dalam hasil-hasil karya bertulis.

Seperti yang kita ketahui, hasil sastra (sastra rakyat) itu tidak diketahui penciptanya. Ia merupakan milik bersama masyarakat atau bersifat kolektif. Ini merupakan satu tradisi dalam masyarakat Melayu. Apabila Islam datang dan memperkenalkan tulisan jawi sehingga terhasil karya-karya bertulis yang wujud dalam bentuk manuskrip, pengarang istana juga meneruskan tradisi kebiasaan ini. Pada peringkat permulaan, mereka tidak menulis nama mereka pada karya yang mereka hasilkan. Tetapi apabila pengaruh Islam meluas dan terdapat banyak karya-karya dari timur tengah, pengarang Melayu (yang merupakan penyalin) menulis nama penulis bagi karya yang mereka salin itu. Tetapi penyalin ada kebebasan untuk menokok tambah karya yang mereka salin itu mengikut citarasanya. Jelas, sikap penyalin yang menokok tambah cerita yang disalinnya itu sama seperti pencerita lisan yang menokok tambah ceritanya supaya sesuai dengan selera pendengarnya. Ini jelas memperlihatkan dua unsur yang sama pada pencerita lisan dan penyalin manuskrip.

Dalam penglipur lara terdapat tiga bahagian yang dilalui oleh watak utama. Dalam setiap bahagian, ada pula konvensinya yang tersendiri. Contohnya, dalam bahagian permulaan adalah mengenai kelahiran watak yang disertai dengan unsur-unsur keluarbiasaan.

Gambaran ini juga berulang dalam karya yang bertulis. Contohnya dalam karya bercorak sejarah, walaupun watak utama merupakan watak yang benar-benar wujud tapi kelahirannya diberi juga unsur keistimewaan. Keistimewaan itu digambarkan dalam bentuk metos dan legenda. Mengapa ini terjadi? Ini adalah kerana tradisi sudah mengharuskan bahawa watak utama mesti mempunyai keistimewaan dan perkara ini juga sudah ada dalam kepercayaan masyarakat Melayu. Jika diteliti lagi, unsur metos dan legenda itu pula memang sudah ada dalam kepercayaan masyarakat Melayu dan merupakan tradisi kepercayaan mereka. Metos dan legenda juga sudah dikenali oleh masyarakat Melayu sebelum datangnya tulisan dan ianya merupakan sastra rakyat.

Struktur karya bertulis itu mengikut struktur lisan. Contohnya dalam penglipur lara yang mempunyai struktur, iaitu ada permulaan (kelahiran watak utama), pengembaraan, kisah pengembaraan, dan kesudahan cerita dengan happy-ending. Sebagai contoh, sastra bertulis yang mengikut struktur lisan ialah Hikayat Maharaja Ali. Hikayat ini ada struktur permulaannya, iaitu pemerian mengenai kerajaan Badagar dan disentuh juga mengenai kelahiran tiga orang putera Maharaja Ali. Kemudian, dinyatakan sebab-sebab atau punca mengapa terjadinya pengembaraan atau sebab terusnya Maharaja Ali dan keluarganya. Dalam pengembaraan itu, terjadi pula pelbagai halangan dan rintangan terhadap mereka sehingga Maharaja Ali terpisah dengan ahli keluarganya.

Akhir sekali, penyelesaian dan kesudahan cerita yang diakhiri dengan kebahagiaan, iaitu Maharaja Ali bertemu dan bersatu kembali dengan permaisuri dan putera-puteranya. Jelas dari cerita ini, struktur cerita sama dengan struktur lisan, iaitu cerita penglipur lara.

Seperti yang kita ketahui, tidak ramai orang yang tahu menulis dan membaca. Jadi, hasil-hasil karya terpaksa dibawa ke tempat lain untuk disalin. Di samping itu, manuskrip juga dibacakan pada khalayak oleh orang yang tahu membaca. Jadi, di sinilah letaknya salah satu peranan tradisi dan konvensi yang diperteruskan oleh penulis manuskrip pada karyanya. Oleh kerana manuskrip itu dibacakan pada khalayak, itulah sebabnya mengapa penulis manuskrip menyesuaikan karyanya dengan tradisi dan konvensi yang ada pada lisan supaya karyanya itu mudah diterima dan didengar oleh khalayak. Jika penulis tidak mengikut tradisi dan konvensi sudah tentu hasil karya mereka tidak akan diterima dan dipercayai oleh khalayak kerana bertentangan dengan kepercayaan dan kebiasaan yang dipegang oleh masyarakat selama itu. Jadi, pengarang terpaksa bergantung kepada tradisi dan konvensi kerana karyanya akan dibacakan pada khalayak.

Di samping itu, perulangan satu-satu bentuk sastra termasuk konvensi adalah bertujuan untuk menyatukan karya dan menegaskan mesej serta tema yang hendak disampaikan oleh pencerita yang dianggap penting dalam tradisi berkenaan. Biasanya pengarang menggunakan tanda-tanda mnemonik. Ini merupakan satu cara memperkayakan satu-satu karya dengan

hanya merujuk pada satu bahagian sahaja. Di sebalik bahagian tersebut, ada pula satu tradisi yang luas yang perlu ditakrifkan berdasarkan konteks tradisi. Dalam tradisi, mesej yang hendak disampaikan pada khalayak melalui sebuah cerita itu adalah penting untuk diketahui oleh khalayak. Jadi, perulangan itu digunakan untuk menegaskan sesuatu mesej. Oleh kerana itu, perulangan juga masih digunakan dalam karya bertulis untuk menegaskan mesej serta mengikut tradisi yang sudah menjadi satu kebiasaan.

Tradisi dan konvensi yang ada dalam sebuah karya itu, ada hubungkaitnya dengan keindahan. Ini adalah kerana pada waktu itu keindahan dinilai atau terletak pada sejauhmana seorang pengarang berpegang kepada tradisi dan konvensi dalam penghasilan karyanya. Dengan kata lain, kepatuhan seorang pengarang pada tradisi dan konvensi akan menentukan sama ada karyanya itu indah atau tidak. Oleh sebab inilah, pengarang patuh kepada tradisi dan konvensi lisan kerana semua pengarang inginkan keindahan pada karya mereka. Contohnya, cerita penglipur lara yang disampaikan pada khalayak itu mengandungi mesej tertentu untuk khalayak, iaitu ada pengajaran, membimbing, dan sebagainya. Unsur didikan dan pengajaran ini merupakan satu tradisi dan dinilai sebagai satu keindahan. Oleh yang demikian, seorang pengarang juga meneruskan tradisi dan konvensi ini supaya karyanya itu mengandungi unsur keindahan. Misalnya dalam Sejarah Melayu, terdapat unsur-unsur pengajaran atau ada fungsi mengajar atau membimbing masyarakat.

Selain itu keindahan juga dilihat dari segi keasliannya. Pencerita selalunya mengatakan bahawa cerita yang disampaikan itu datang dari orang tua-tua. Jadi, pengarang juga meneruskan tradisi ini supaya karyanya itu nampak asli dan dapat diterima masyarakatnya. Pengalaman seperti kesusahan dan kesedihan yang dialami oleh watak dalam sebuah cerita itu juga dapat dijadikan satu penilaian keindahan sebuah karya sastra itu. Di samping itu, karya itu juga mesti ada episod-episodnya dan mengandungi unsur keluarbiasaan serta bersifat drama seperti yang terjadi pada cerita penglipur lara. Pengarang istana menyadari bahawa semua ini adalah perkara yang dapat menjurus kepada keindahan. Oleh kerana itu, pengarang meneruskan tradisi dan konvensi supaya keindahan itu terserlah pada karya-karya mereka.

Sebagai kesimpulannya, tradisi dan konvensi itu memang berperanan penting dalam penghasilan kesusasteraan Melayu tradisional. Ini adalah kerana penerimaan masyarakat terhadap sebuah hasil karya itu adalah bergantung kepada sejauh mana sebuah karya itu mengikut tradisi dan konvensi sebelumnya. Peranan tradisi dan konvensi itu juga ialah supaya khalayak menerima hasil karya pengarang. Di samping itu, tradisi dan konvensi juga merupakan aspek yang menjadikan sebuah karya itu indah. Walaupun pengarang menghasilkan suatu karya dan membuat pembaharuan dalam karyanya tetapi dia akan tetap berpegang kepada tradisi dan konvensi sebelumnya kerana pengaruh tradisi dan konvensi itu amat tebal dalam masyarakat tradisional.

PERULANGAN satu-satu bentuk sastra termasuk konvensi adalah bertujuan untuk menyatukan karya dan menegaskan mesej serta tema yang hendak disampaikan oleh pencerita yang dianggap penting dalam tradisi berkenaan. Biasanya pengarang menggunakan tanda-tanda mnemonik. Ini merupakan satu cara memperkayakan satu-satu karya dengan hanya merujuk pada satu bahagian sahaja. Di sebalik bahagian tersebut, ada pula satu tradisi yang luas yang perlu ditakrifkan berdasarkan konteks tradisi.

Persembahan PENTARAMA tarik ramai penonton

Oleh Sahari Akim

BANDAR SERI BEGAWAN. Peminat-peminat hiburan membanjiri pentas-pentas perayaan di keempat daerah menyaksikan Persembahan PENTARAMA anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56.

Persembahan PENTARAMA selama lebih dua jam itu dikendalikan oleh ADPS Management dengan menampilkan lebih kurang 60 artis berbakat tempatan diiringi band ROFICA, AJ Dancer dan Lively Dancer.

Penonton dihiburkan dengan dendaingan lagu-lagu asli Brunei, lagu irama moden, irama 60-an, tarian asli dan moden, drama, lawak jenaka, prolog dan kuiz penonton selaras dengan konsep PENTARAMA itu sendiri untuk menghibur dan mendidik masyarakat.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan Persembahan PENTARAMA ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Md Yussop bin

Bakar di Daerah Temburong, pada 20 Julai; Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin di Daerah Brunei dan Muara pada 24 Julai; Pemangku Penghulu Mukim Kuala Belait, Awang Haji Pungut bin Ali di Daerah Belait pada 26 Julai dan Awang Haji Hepnie bin Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Abu Hanifah di Daerah Tutong pada 31 Julai.

Juga dipersembahkan ialah sebuah drama berjudul 'Kan Halnya' mengisahkan apa yang berlaku dalam kehidupan masyarakat seperti penderaan, pengabaian pekerja, sopan santun, penjagaan kesihatan dan pembaziran, dilakonkan dalam loghat Kedayan mengingatkan orang ramai betapa gejala-gejala negatif itu harus dibendung dari berleluasa.

Pelawak terkenal tanah air, Dayang Kalsum dan rakan-rakannya pula mengeledek hati penonton dengan celoteh loghat Kedayan mengenai pembangunan, pemeliharaan alam sekitar, perpaduan dan keluarga harmoni.

Juruacara berselang-seli membacakan



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Haji Hepnie (kiri) dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Md. Yussop (kanan) ketika menyampaikan hadiah kepada para penonton yang menyertai kuiz penonton sempena Persembahan PENTARAMA anjuran Jabatan Penerangan. - Gambar oleh Awangku Ibnu PH.

beberapa 'prolog' atau perutusan mengenai ketaatan rakyat kepada raja, keselamatan jalan raya, bahaya dadah dan merokok, sopan santun serta masyarakat harmoni.

PENTARAMA berkonsepkan pementasan melalui nyanyian, tarian,

drama dan lawak jenaka dihasratkan untuk menghibur dan mendidik masyarakat dengan membawa mesej-mesej pembangunan, perpaduan, budaya serta kehidupan berbangsa dan bernegara.

Jabatan Penerangan mengan-

jurkan persembahan PENTARAMA pada setiap tahun di keempat daerah sempena sambutan ulang tahun hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia selain sebagai acara Hari Penerangan, Perjumpaan Muhibah Penerangan dan seumpamanya.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Haji Hepnie dan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Mohd. Yusof serta lain-lain jemputan ketika sama-sama menyaksikan Persembahan PENTARAMA yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong. - Gambar oleh Awangku Ibnu PH.



Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 24 Julai. Penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini secara amnya dialu-alukan untuk menghasilkan atau mencipta hasil kerja masing-masing dalam pelbagai bidang bukan hanya dalam informasi teknologi.

Pengetua Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin meluahkan harapan itu ketika berucap merasmikan Laman Web Ahli Bertindak Anti Dadah (ABAD) di bilik perpustakaan sekolah itu.

Menurutnya, kejayaan penuntut-penuntut sekolah itu mewujudkan laman

